



PELAPORAN TAHUN 2022

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

JARINGAN INDUSTRI & KEUSAHAWANAN

EDITOR

AFIDA AHMAD
MUSDIANA MOHAMED SALLEH
SYAFIZA SAILA SAMSUDIN
JUNAIDA ISMAIL
JUAINI JAMALUDIN



© 2023 Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada cetakan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Kualiti Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Kedah,

Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok,
Kedah Darulaman, Malaysia.

Tel:

Unit Kualiti, UiTM Cawangan Kedah
+604-456 2091

E-mail:

kukkedah@uitm.edu.my

Alamat:

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah,
Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok,
Kedah Darulaman, Malaysia.

e ISBN 978-967-2948-54-4

9 789672 948544



LAPORAN 2022

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

JARINGAN INDUSTRI & KEUSAHAWANAN

ISI KANDUNGAN

06

Senarai Penulis

07

Penghargaan

08

Profil Jabatan

35

Kriteria 1:
Kepimpinan

84

Kriteria 2:
Perancangan Strategik

144

Kriteria 3:
Tumpuan kepada
Pelanggan

179

Kriteria 4:
Pengukuran,
Analisis, dan
Pengurusan
Pengetahuan

214

Kriteria 5:
Tumpuan kepada
Sumber Manusia

257

Kriteria 6:
Tumpuan kepada
Operasi

296

Kriteria 7:
Hasil

SIDANG EDITORIAL

PROF. DR. ROSHIMA HAJI SAID

PENAUNG, REKTOR UiTM CAWANGAN KEDAH

PROF. MADYA DR. KAMARUDIN OTHMAN

PROF. MADYA TS. DR. AZHARI MD. HASHIM

DR. NOR AZRINA YUSOFF

WAKIL PENGURUSAN UiTM CAWANGAN KEDAH

UNIT PENGURUSAN KUALITI

PENASIHAT, KETUA UNIT KUALITI UITM CAWANGAN KEDAH

DR. JUNAIDA ISMAIL

PENASIHAT II, TIMBALAN KETUA UNIT KUALITI

SAMSIAH BIDIN

SETIAUSAHA AKNC, UNIT PENGURUSAN KUALITI

YUSNI YUSUF

PENYELARAS AKNC, UNIT PENGURUSAN KUALITI

DR. AFIDA AHMAD

PN. FARAH MERICAN ISAHAK MERICAN

PANEL PENILAI DALAMAN

DR. JAMALUDIN AKBAR

PN. MUSDIANA MOHAMED SALLEH

PN. SYAFIZA SAILA SAMSUDIN

REKABENTUK

PN. JUAINI JAMALUDIN

SENARAI PENULIS

PROFIL JABATAN

SAMSIAH BIDIN
ETTY HARNIZA HARUN
NOR ASLAH ADZMI
DR. JUNAIDA ISMAIL

KRITERIA 1: KEPIMPINAN

DR. LAW KUAN KHENG
MOHD NAJMIE OSMAN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
AZLAN ABDUL RAHMAN

KRITERIA 2: PERANCANGAN STRATEGIK

PROF. MADYA DR. HJ. ABDUL MAJEED BIN HJ. AHMAD
DR. MAHADZIR ISMAIL
MUZZALEENA MUSA
NOORAINI KHASNI

KRITERIA 3: TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

JUAINI JAMALUDIN
NURUL HAYANI ABD RAHMAN
FAZILLAH BOSLI

KRITERIA 4: PENGUKURAN, ANALISIS, DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

SHAHIDA FARHAN ZAKARIA
DR. MUSLIMAH MOHD JAMIL
DR. NORLIANA MOHD NAJIB

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

MUSDIANA MOHAMAD SALLEH
DR. SITI NUR ALWANI SALLEH
KHAIRUL WANIS AHMAD

KRITERIA 6: TUMPUAN KEPADA OPERASI

FARAH MERICAN ISAHAK MERICAN
NABILA AHMAD
DR. MUHAMMAD HANIF OTHMAN

KRITERIA 7: HASIL

SYAFIZA SAILA SAMSUDIN
SARLIZA SAARI
DR. NORIN RAHAYU SHAMSUDDIN
DR. AFIDA AHMAD
DR. NOR ATHIRAH MOHD ZIN

PENGHARGAAN



TERIMA KASIH!

Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Kedah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penulis laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) bagi tahun 2022, Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Kedah serta seluruh warga UiTM Cawangan Kedah yang telah memberikan kerjasama dan penglibatan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan laporan AKNC ini.



PROFIL JABATAN

SAMSIAH BIDIN
ETTY HARNIZA HARUN
NOR ASLAH ADZMI
DR. JUNAIDA ISMAIL



PROFIL JABATAN

PROFIL UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH (UiTMKDH)

P.1 HURAIAN PERSEKITARAN JABATAN

A. BIDANG TUMPUAN PILIHAN

(i). Nyatakan bidang tumpuan pilihan jabatan dan justifikasi.

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN telah dipilih sebagai bidang tumpuan untuk pelaporan AKNC 2022 UiTM Cawangan Kedah (UiTMKDH). Pemilihan bidang tumpuan ini telah memberi halatju, sasaran serta asas penetapan indikator prestasi utama (KPI) bagi seluruh bahagian dan unit di UiTMKDH bagi melakar kecemerlangan tahun 2022. Agenda memakmurkan Jaringan Industri dan Keusahawanan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah didasari oleh Dasar Keusahawan Nasional (DKN) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.



Aspirasi DKN2030 adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Manakala WKB2030 bertunjang kepada iltizam menjadikan Malaysia terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif dengan objektif utamanya menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.



P.1.1: Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2023)

Sehubungan itu, penekanan khusus telah digembangkan ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan yang menjadi sebahagian daripada asas utama dalam merealisasikan aspirasi tersebut. Pemangkin kepada proses transformasi ekonomi turut melibatkan penerapan budaya keusahawanan di semua peringkat masyarakat serta jalinan industri/kolaborasi antara akademik dan industri. Antara wadah yang terbaik bagi melaksanakan agenda-agenda tersebut adalah melalui institusi pengajian tinggi.

DKN2030 dan WKB2030 telah diterjemahkan ke dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 1, bertujuan melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan mempunyai pemikiran keusahawanan serta mampu menjadi 'penjana pekerjaan' dan bukan hanya sebagai 'pencari pekerjaan'. Seiringan itu, Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (PTK-IPT) 2016-2020 dan PTK-IPT 2021-2025 yang berteras kepada tiga strategi utama; PERTAMA: memantapkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi dan holistik; KEDUA: memperkasakan jaringan keusahawanan yang berimpak tinggi dan, KETIGA: menekankan kepada keusahawanan yang berteraskan inovasi dan teknologi, telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.


Kejayaan IPT melestarikan agenda keusahawanan negara dapat menyumbang ke arah pencapaian empat daripada lima objektif Dasar Keusahawanan Nasional 2030, iaitu Objektif 1, Objektif 2, Objektif 3 dan Objektif 5 (P1.1 – Dasar Keusahawan Negara 2030).



P 1.2: Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2021-2025

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terbesar di Malaysia, UiTM khususnya UiTMKDH mendukung pelaksanaan agenda KPT dalam merealisasikan DKN2030 dan WKB2030. UiTM telah menterjemahkan aspirasi tersebut di bawah Pelan Strategik UiTM 2025 (P 1.3: Perancangan Strategik UiTM 2025) dan menjadikannya salah satu agenda utama untuk mencapai Globally Renowned University.

Di peringkat kampus, UiTMKDH juga telah memetakan aspirasi tersebut di dalam Perancangan Strategik UiTMKDH 2022. UiTMKDH telah merangka, melaksana dan memantau pelbagai aktiviti dan inisiatif di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan disepanjang tahun 2022 bagi mencetus keberhasilan yang membanggakan. Antara projek-projek Jaringan Industri yang melibatkan rakan strategik adalah seperti Universitas Islam Bandung (UNISBA), International Balkan University (IBU), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Nescafe dan Toshiba. Manakala dalam konteks Keusahawanan pula, inisiatif strategik digerakkan melalui program Batik Merbok, program MASMED dengan projek Icip-Icip My Agrosis, Nescafe Hub, UNIMAIL, Social Enterprise Club (SEC), Barber's Academy, Bazar Ramadhan dan juga inisiatif penjanaan pendapatan Penanaman Nanas Kampus Kedah.



P 1.3: Pecahan MOU/MOA UiTMKDH


(ii). Apakah kepentingan relatif bidang tumpuan pilihan kepada kejayaan jabatan?

Pelajar adalah merupakan pelanggan utama UiTMKDH. Ketampakan mereka di mata masyarakat dan dunia adalah gambaran kejayaan seluruh sistem UiTM. Kecemerlangan yang dikehendaki haruslah seiring dengan perkembangan semasa, dalam ruang lingkup cogan kata **USAHA, TAQWA, MULIA** yang menjadi pegangan warga UiTM, dan dimanifestasikan dalam kehidupan.



Secara relatifnya, UiTMKDH berperanan amat penting bagi menjayakan aspirasi KPT, DKN2030 dan WKB2030 khususnya pencapaian Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025 yang bermatlamat menjadikan UiTM Globally Renowned University (P 1.3: Perancangan Strategik UiTM 2025). Pemerkasaan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan di UiTMKDH melalui aktiviti yang dijalankan telah mendapat sambutan yang baik oleh institusi luar, industri, masyarakat dan rakan-rakan strategik UiTMKDH.

Rantaian kerjasama UiTMKDH dan industri telah mempercepatkan transformasi keilmuan dan idea-idea inovatif kepada usaha pengkomersilan. Sebagai contoh, pelajar UiTMKDH diberi peluang untuk mengendalikan perniagaan sendiri di dalam program anjuran MASMED dan FPP UiTMKDH iaitu Siswapreneurship Initiative 2022 (SPI2022) yang mana merupakan program berbentuk keusahawanan khas yang membantu pelajar dalam menubuhkan syarikat pemula (Start-Up Business). Selain itu, pasukan UiTMKDH NYEP di bawah kelolaan MASMED UiTMKDH juga telah berjaya menduduki tempat kedua dari 16 universiti seluruh Malaysia dalam pertandingan NESCAFE Youth Entrepreneurship Programme 2022. Satu lagi program antarabangsa seperti program pameran karya seni dan demonstrasi Merging of Two Cultures Through Visual Art, kolaborasi antara IBU dan UiTMKDH telah dihadiri oleh para pelajar dari Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) UiTM Shah Alam dan Puncak Alam, 2 orang pensyarah KPSK UiTMKDH dan 2 orang wakil daripada IBU. Manakala, untuk program yang dijalankan dengan kerjasama dari MASMED, FPP UiTMKDH dan UNISBA disertai oleh 136 peserta dalam 3 kategori yang dipertandingkan iaitu, Business Model Canvas Battle, Business Plan Battle dan Business Idea Battle. UiTMKDH telah berjaya mendapatkan Gold Award dan Diamond Award dalam kategori Business Idea Battle.



P 1.4: Perancangan Strategik UiTM 2025

Penerimaan kerjasama oleh rakan-rakan strategik UiTMKDH telah berjaya membina dan mengukuhkan imej serta reputasi UiTMKDH. Keberhasilan dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ini menyerlahkan ketampakan usahawan siswazah UiTMKDH khususnya dan UiTM secara keseluruhan.

(iii). Apakah mekanisma yang digunakan dalam mencapai kejayaan bidang tumpuan pilihan?

UiTMKDH sentiasa berusaha untuk menjadi lebih berdaya saing, kreatif, inovatif dan fleksibel dalam mentadbir urus urusan harian kampus. Kuasa autonomi yang diperolehi untuk merangka strategi operasi pentadbiran dan pengurusan telah melahirkan pelbagai inisiatif pada tahun 2022. Mekanisma utama yang digunakan oleh UiTMKDH dalam mencapai kejayaan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah melalui Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran, Perancangan Strategik, Laporan Penilaian Prestasi dan Sistem Penambahbaikan Prestasi. Berpandukan empat tunggak utama ini, UiTMKDH telah berjaya melaksanakan dengan jayanya banyak inisiatif terutamanya dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan keusahawanan di kalangan warga kerja dan pelajar UiTMKDH.

a. Pengajaran dan Pembelajaran

UiTMKDH menitik beratkan akan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau High-Impact Educational Practices (HIEPs) sebagaimana yang ditentukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Pengajaran dan pembelajaran berpandukan reka bentuk kurikulum yang holistik, bersepadau dan konstruktif merangkumi kejelasan kognitif dan konsep, kemahiran keusahawanan dan pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi diberi penekanan.



Rajah P 1.5: Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau High-Impact Educational Practices (HIEPs)

Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau High-Impact Educational Practices (HIEPs) di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 ini adalah bertujuan untuk merealisasikan aspirasi kemenjadian pelajar yang unggul. Penglibatan pelajar dan staf dalam inisiatif-inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah amat penting dalam menjayakan agenda bagi melahirkan modal insan yang holistik dan kompeten dari segi pembangunan kepimpinan, rohani dan insaniah serta mampu berdaya saing, global dan beretika.

Hasrat UiTMKDH adalah untuk menyediakan pendidikan yang seimbang antara ilmu dengan akhlak, serta menggalakkan pelajar untuk memupuk minda keusahawanan. Strategi ini juga bertujuan untuk menghasilkan usahawan siswazah yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang lestari dan berdaya saing serta mampu mendepani situasi masa kini dan akan datang serta menjadi pemangkin penting dalam pembangunan teknologi dan pertumbuhan ekonomi negara.

b. Perancangan Strategik

Perancangan Strategik 2022 UiTMKDH (SAP) meletakkan aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 sebagai asas penggubalannya. Rujukan utama terdiri daripada Pelan Perancangan Strategik UiTM2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025, Hala Tuju Strategik Kementerian Pengajian Tinggi 2022, Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs), Amanat Tahun Baharu Menteri Pengajian Tinggi 2022, diikuti dengan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2022 serta Amanat Tahun Rektor UiTMKDH 2022. Fasa-fasa Sesi Libat Urus bersama ketua-ketua bahagian, ketua-ketua pusat pengajian dan unit serta wakil-wakil strategik pada penghujung Januari dan Februari 2022 telah dilaksanakan dan disusuli Bengkel Perancangan Strategik pada 20 Februari 2022 bagi memperhalusi dan menghasilkan SAP untuk tahun 2022.


Tema **Jaringan Industri dan Keusahawanan** telah dipilih berdasarkan impaknya yang signifikan kepada imej UiTMKDH dalam merealisasikan Falsafah, Visi dan Misi UiTM, Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, WKB2030 dan DKN 2030. Keseluruhan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan telah diberi perhatian khusus merangkumi pelbagai aspek berkaitan aktiviti, tahap, implikasi risiko, kewangan dan sebagainya. Untuk tahun 2022, sejumlah 67 Petunjuk Prestasi (PI) telah diperturunkan kepada UiTMKDH dan 24 PI (35.8%) daripadanya berkaitan dengan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan.

UiTMKDH mencatatkan pencapaian yang amat baik. Dari sudut Jaringan Industri, perlaksanaan inisiatif strategik MOU/MOA2022 oleh BPJI/ICAN menerusi program bersama TOSHIBA telah membantu mencapai 2 PI, iaitu PI72 dan PI74. BHEP juga menggerakkan inisiatif strategik Jaringan Industri melalui inisiatif strategik seperti SULAM2022, vol2022, eSP2022CRTVT2022, GoPro2022 dan CAREER2022, dan telah mencapai 100 peratus untuk keenam-enam PI27, 28, 30, 32, 33 dan PI36. Dalam konteks Keusahawanan pula, MASMED melalui inisiatif strategik STUDENTPREUNER2022_PI21-23&25-26, EDUXPERT2022_PI24, BPJI/ICAN dengan inisiatif strategik ALUMNIEXP2022_PI80; Pejabat Bendahari dan BPF melalui inisiatif strategik MORRIS_MD2022_PI120, iaitu inisiatif penjanaan pendapatan melalui program penanaman nenas mencapai 100 peratus pencapaian PI21-PI26, PI80 dan PI120. BPJI/ICAN melalui inisiatif strategik SMARTICAN2022 juga berjaya mencapai prestasi 88 peratus untuk PI19, dan 100 peratus untuk PI20. Secara keseluruhannya, perlaksanaan inisiatif strategik ini membantu pencapaian 22 PI daripada 24 PI Jaringan Industri dan Keusahawanan 2022, iaitu 91.7 peratus berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Hanya 2 PI Jaringan Industri dan Keusahawanan tidak mencapai 100 peratus. Dalam konteks pencapaian inisiatif strategik pula, 86.7 peratus, iaitu 13 inisiatif strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan telah berjaya dicapai daripada 15 inisiatif strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan.

c. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) merupakan sistem penilaian prestasi utama yang digunakan sebagai satu bentuk penilaian kendiri untuk mendorong penambahbaikan yang berterusan. Sistem ini mewujudkan pengukuran standard untuk menilai prestasi individu serta pasukan di UiTMKDH. Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), pelaksanaan kerja dan pemantauan untuk separuh tahun pertama dan kajian semula pertengahan tahun menjadi mudah untuk dilaksanakan kerana sistem ini boleh diakses melalui internet.

Melalui sistem ini prestasi kerja dapat dinilai dengan lebih sistematik dan meyakinkan. LNPT dapat membantu staf dan PTJ meningkatkan prestasi dan produktiviti kerja menerusi perancangan dan pemantauan Sasaran Kerja Tahunan serta penilaian prestasi dengan lebih efektif.



Amanah Tugas Penyayarah (ATP) is a concept introduced at Universiti Teknologi MARA (UiTM) to identify, document and recognize the duties and responsibilities of a lecturer which primarily include teaching activities, academic scholarships and services / contributions. ATP functions as a mechanism for lecturers to use as a basis of their semester and annual target evaluation or individual performance evaluation or promotion. The ATP is based on the number of hours spent per week for a lecture or in-hour for research, namely:

The computation for a lecturer's ATP involves a minimum of 39 hours per week for each semester of study. The main components of ATP comprise of lecture-based assignment known as Amanah Tugas Syarat (ATS) and equivalent hours of lecture known as Kelestanian Jam Syarat (KJS). ATS relates to a lecturer's responsibility on teaching and

Rajah P 1.6: Sistem Penilaian Prestasi (LNPT)

d. Sistem Penambahbaikan Prestasi

Bagi tujuan memberi galakan dan motivasi untuk staf terlibat secara lebih aktif dan cemerlang di kampus, UiTMKDH menambah baik sistem penilaian dengan mengadakan Anugerah Akademik Universiti (AAU) dan Anugerah Staf Pentadbiran di peringkat kampus. Kedua-dua penganugerahan ini tidak melalui sistem LNPT sebaliknya melalui borang pencalonan warga UiTMKDH. Pemenang bagi AAU peringkat kampus akan dicalonkan untuk AAU peringkat UiTM. Kriteria pemilihan ditentukan secara khusus bagi setiap kategori anugerah dan dibentangkan pada mesyuarat Pengurusan Kanan untuk penentuan penerima anugerah. Majlis Kemuncak Hari Inovasi dan Kualiti merupakan platform utama meraikan penerima anugerah tersebut. Penganugerahan menjadi salah satu inisiatif yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada staf UiTMKDH yang berjaya aktif menyumbang tenaga dan masa demi meningkatkan dan mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

Jadual P 1.1: Jenis Penganugerahan Majlis Kemuncak Hari Inovasi dan Kualiti UiTMKDH

ANUGERAH MAJLIS KEMUNCAK HARI INOVASI DAN KUALITI

1	Penerbitan Buku	10	Seni & Kreatif	19	Ahli Akademik Harapan	28	Kepimpinan Akademik
2	Penceramah Terbaik	11	E-Pembelajaran	20	Penyelidik Terbaik	29	MOOC Terbaik
3	Pensyarah Aktif (Kemasyarakatan)	12	Staf Pentadbiran Aktif (Kemasyarakatan)	21	Pensyarah Aktif (Keusahawanan)	30	Staf Pentadbiran Aktif (Keusahawanan)
4	Penyelia Terbaik	13	Pengajaran Terbaik	22	Penerbitan Makalah Jurnal	31	Bahagian/ Unit Terbaik
5	Perkhidmatan Cemerlang (APC)	14	Penghargaan Penulis AKNC	23	Penghargaan Penilai Dalaman AKNC	32	Penghargaan Penulis e-SRR
6	Penghargaan Penilai Dalam e-SRR	15	Penghargaan Penyertaan KIK	24	Penghargaan Penyertaan OE	33	Penghargaan Pasukan Audit Dalam
7	Bersara Pilihan	16	Bersara Wajin	25	Khidmat Setia 20 Tahun	34	Penglibatan Sukan
8	Kepimpinan (Pentadbiran)	17	Staf Pentadbiran Harapan	26	Kumpulan Pelaksana I	35	Kumpulan Pelaksana II
9	Fakulti/ Pusat Kecemerlangan Terbaik	18	Penasihat Akademik Cemerlang	27	Kelab Terbaik	36	Persatuan Terbaik

B. NILAI DAN ETIKA JABATAN

(i). Nyatakan keunikan budaya jabatan anda..



Rajah P 1.7: Falsafah, Visi dan Misi UiTMKDH

Kepimpinan Kanan UiTMKDH telah menterjemahkan falsafah, visi dan misi tersebut dalam Perancangan Strategik Kampus bagi mencorak dan membimbing warganya ke arah pencapaian aspirasi bagi melahirkan graduan bumiputera profesional, holistik, berdaya saing dan yang terkehadapan serta terkemuka di dunia. Segala projek khususnya dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan telah digarapkan pelaksanaannya dalam ruang lingkup pencapaian falsafah, visi dan misi tersebut.



Rajah P 1.8: Objektif Kualiti 2021-2025 UiTMKDH

10 OBJEKTIF KUALITI 2021-2025 telah dijadikan matlamat pencapaian dan sebagai panduan rujukan serta penanda aras kejayaan warga kampus. Setiap inisiatif bukan hanya berfokus kepada kuantiti semata-mata, malah kualiti perancangan menjadi keutamaan agar dapat membawa hasil sebagaimana yang dikehendaki. Pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi sepanjang perlaksanaan projek-projek inisiatif ini, sekaligus telah memantapkan pencapaian PI (Performance Indicator) UiTMKDH sebagaimana yang telah digariskan di dalam Objektif Kualiti dan Pelan Strategik UiTMKDH.

Bagi memantap dan menzahirkan budaya mengutamakan kecemerlangan di dalam setiap kerja dan tanggungjawab dikalangan warga UiTMKDH, Kepimpinan Kanan telah menetapkan slogan **MELONJAK KECEMERLANGAN UiTM CAWANGAN KEDAH** sebagai slogan UiTMKDH bagi tahun 2022.




Rajah P 1.9: Slogan UiTMKDH 2021

Penetapan slogan ini adalah sejajar dengan aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 yang bermatlamat ke arah **Globally Renowned University**.

Kesimpulannya, melonjakkan budaya kecemerlangan dalam setiap aktiviti, kerja dan tanggungjawab; memfokuskan segala inisiatif kepada pencapaian 10 Objektif Kualiti; mendasarkan perancangan aktiviti kepada keperluan untuk memenuhi falsafah, visi dan misi UiTM, telah menjadi pemangkin kejayaan kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan khususnya dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan di UiTMKDH. Pelbagai kejayaan telah dilakarkan bukan sahaja di peringkat universiti dan kebangsaan, malah hingga ke peringkat antarabangsa.

(ii). Apakah tujuan nilai dan etika jabatan anda?

Kejayaan dan kecemerlangan UiTMKDH bukan hanya bergantung kepada sistem kerja, perancangan dan teknologi semata-mata. Staf yang menjadi aset terpenting yang menggerakkan organisasi perlu dijaga dengan baik bagi memastikan tugas, kerja dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan lancar dan seterusnya mencapai matlamat yang ditetapkan. Nilai dan etika khusus diperkenalkan oleh UiTM bertujuan untuk memperkasa, melatih dan membimbing mereka menjadi next leader. Dalam usaha membina keperibadian warganya agar tampil berkualiti, punyai jati diri serta mampu meningkat dan mengekalkan pencapaian dan prestasi diri dan institusi, UiTMKDH menerapkan nilai dan etika berdasarkan kepada elemen **ESI** (Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti), **iDART** (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab), **Budaya Perdana**, **ADAB** serta **Nilai dan Etika Pensyarah**.



Rajah P 1.10: ESI dan iDART



Rajah P 1.11: Nilai dan Etika Pensyarah

Elemen **ESI** merupakan tiga kod nilai dan etika utama UiTM. Nilai yang diterapkan ini merupakan intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan dan ia merupakan batu asas kepada penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan serta seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

Manakala, elemen **iDART** (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab) adalah merupakan nilai individu yang memacu ke arah kecemerlangan kehidupan yang menjadi hala tuju terakhir setiap individu. Di samping itu, **10 Nilai dan Etika Pensyarah** (Integriti, Akauntabiliti, Hargai Masa, Dedikasi, Tawaddhu', Kaizen, Berdisiplin, Bekerjasama, Kesarjanaan, Bersyukur) yang terangkum dalam 3 peranan utama pensyarah; **Pengajaran & Penyeliaan, Penyelidikan** dan **Kegiatan & Sumbangan**, turut menjadi panduan dalam melaksanakan tanggungjawab.

UiTMKDH dengan segala upayanya melalui pelbagai prosedur pengurusan dan operasi mengasimilasikan nilai- nilai **ESI**, **iDART** dan **Nilai dan Etika Pensyarah** dikalangan staf di pelbagai peringkat jawatan. Kesepadan antara nilai, etika dan kepakaran warga UiTMKDH menjamin kolaborasi bersama industri, komuniti, dan masyarakat umumnya terhadap graduan, perkhidmatan dan seterusnya menjamin kelangsungan hidup yang mampan.

(iii). Apakah kompetensi teras serta kaitannya dengan nilai dan etika jabatan anda?

Secara umumnya, setiap penjawat awam yang dilantik adalah tertakluk kepada dua bentuk kompetensi iaitu Kompetensi Umum dan Kompetensi Khusus yang juga merupakan elemen utama bagi pengukuran tahap kecekapan penjawat awam tersebut. Kompetensi Umum merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh seseorang pegawai tanpa mengira gred jawatan atau organisasi. Manakala Kompetensi Khusus merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi khusus yang diperlukan bagi melaksanakan bidang tugas sesuatu jawatan. Oleh itu setiap staf samada dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan adalah tertakluk dengan deskripsi bidang tugas masing-masing dari Kontek kompetensi Umum dan Kompetensi Khusus.



Kecemerlangan sesebuah organisasi amat bergantung kepada kecemerlangan stafnya dalam menambahbaik dan memantapkan kompetensi diri. Maka elemen nilai dan etika yang diterima dan dihayati sepenuhnya mampu menjadi pemangkin untuk membentuk akhlak, jati diri, tingkah laku dan cara bertindak setiap individu.

Rajah P.1.12: Peranan Utama Pensyarah

Kompetensi teras perlu digilap dengan kod nilai dan etika agar tanggungjawab tersebut dapat difahami dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Berbekalkan nilai dan etika yang murni akan membawa kepada pembangunan dan peningkatan bakat, kepakaran, kemahiran, dan pengetahuan sumber manusia, kesarjanaan dan ketampakan akademia yang lebih menyerlah dan seterusnya membantu iklim pengajaran dan pembelajaran yang lebih terkehadapan. Kebolehan-kebolehan seperti mengatur strategi, memberi khidmat nasihat kepada kepimpinan, menggerakkan sumber-sumber secara efektif dan tuntas, memanfaatkan sepenuhnya sumber yang ada untuk memastikan keberhasilan yang lebih tinggi, mempunyai kecekapan mengurus kemudahan dan kebijakan semuanya menuntut staf untuk berfikir secara kreatif, inovatif dan di luar kotak pemikiran biasa.

Kod nilai dan etika ini menjadi satu set rujukan perilaku yang mesti dipatuhi dan ia dapat melahirkan staf yang mempunyai komitmen kepada UiTM dan mempunyai nilai kesepuhaan tinggi. Mentaliti silo dan bekerja mengikut batasan bidang, fakulti atau jabatan masing-masing perlu dipecahkan bagi menggalakkan perkongsian idea untuk menghasilkan sinergi bagi meningkatkan nilai tambah perkhidmatan. Amatlah penting untuk melahirkan staf yang berpotensi dan berprestasi tinggi untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan universiti.

C. PROFIL SUMBER MANUSIA

(i). Apakah profil, kumpulan, segmen dan tahap pendidikan tenaga kerja jabatan anda?

Kecemerlangan pentadbiran dan operasi di UiTMKDH digalas oleh tenaga kerja yang terdiri daripada **302 orang staf akademik** dan **242 orang staf pentadbiran**. Jadual P 1.2 menunjukkan pecahan bilangan staf akademik mengikut kelayakan akademik di UiTMKDH. Manakala bagi staf pentadbiran, lantikan adalah mengikut tahap pendidikan dan jawatan yang dipegang mengikut klasifikasi kumpulan perkhidmatan masing-masing. Diikuti berikutnya dengan Jadual P 1.3 menunjukkan segmentasi staf pentadbiran mengikut jabatan.

Jadual P 1.2: Pecahan bilangan staf akademik mengikut kelayakan akademik di UiTMKDH bagi tahun 2022

BIL	KELAYAKAN	JUMLAH
1	PHD	83
2	IJAZAH SARJANA	218
3	IJAZAH SARJANA MUDA	1

Jadual P 1.3: Pecahan staf akademik mengikut fakulti di UiTMKDH bagi tahun 2022

BIL	FAKULTI	JUMLAH
1	FAKULTI PERAKAUNAN	28
2	KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF	32
3	FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN	100
4	FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	36
5	FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT	31
6	FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI	21
7	FAKULTI UNDANG-UNDANG	9
8	AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	34
9	AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI	13

Jadual P 1.4: Menunjukkan segmentasi staf pentadbiran mengikut jabatan

BIL	FAKULTI	JUMLAH
1	Pejabat Rektor	1
2	Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa	2
3	Unit Kualiti	1
4	Unit Hal Ehwal Islam	4
5	Bahagian Infostruktur	15
6	Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri	3
7	Bahagian Pentadbiran	32
8	Pejabat Bendahari	15
9	Bahagian Perpustakaan	22
10	Bahagian Hal Ehwal Akademik	24
11	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	51
12	Bahagian Pengurusan Fasiliti	32
13	Pejabat Polis Bantuan	37

Secara umumnya, kumpulan dan segmen tenaga kerja di UiTMKDH adalah dibahagikan kepada staf akademik dan staf pentadbiran. Bagi staf pentadbiran, klasifikasi kumpulan kerja adalah dibahagikan seperti berikut :

Jadual P 1.5: Menunjukkan segmentasi staf pentadbiran mengikut jabatan

BIL	KUMPULAN	KLASIFIKASI KUMPULAN	BILANGAN
1	Kumpulan A (Gred 41 Ke Atas)	Pengurusan & Professional	21
2	Kumpulan B (Gred 29-40)	Kumpulan Sokongan I	57
3	Kumpulan C (Gred 19,22,26)	Kumpulan Sokongan II	87
4	Kumpulan D (Gred 1-14)	Kumpulan Sokongan III	79

Pembahagian staf pentadbiran kepada kumpulan-kumpulan sokongan seperti di dalam jadual sangat membantu dari segi kelancaran proses aktiviti di dalam kampus.

(ii). Apakah faktor utama yang memotivasi mereka untuk melibatkan diri dan komited terhadap pencapaian objektif jabatan?

Kepelbagai bentuk penghargaan yang diwujud dan dianugerahkan kepada staf yang cemerlang dalam pelbagai aktiviti menjadi bukti keprihatinan dan sokongan pihak pengurusan UiTMKDH dalam memotivasi staf untuk terlibat aktif dalam pencapaian objektif jabatan (Jadual K5.5: Senarai Penerima Anugerah Majlis Kemuncak HIK 2022 UiTMKDH).



Hebahan pencapaian staf di dalam email rasmi dan laman web UiTMKDH, mahupun melalui anugerah yang disampaikan melalui Majlis Kemuncak Hari Kualiti dan Inovasi anjuran UiTMKDH menjadi elemen utama yang mencetuskan komitmen yang tinggi di kalangan warga kerja.

Rajah P 1.13: Tangkap layar hebahan pencapaian staf dan pelajar melalui email rasmi dan laman web UiTMKDH

(iii). Apakah kepelbagaian kerja, ganjaran, faedah utama serta keperluan khusus kesihatan dan keselamatan untuk tenaga kerja jabatan anda?

UiTMKDH terus memotivasi staf dengan memberi sokongan dan galakkan kepada staf untuk terus melibatkan diri dan cemerlang dalam pelbagai bidang kerja, kemahiran, kepakaran serta keilmuan. Pelbagai faedah dan ganjaran dapat dinikmati oleh seluruh warga kampus sebagai pulangan hasil daripada keterlibatan staf tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jadual P 1.6: Pencapaian staf yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

PENCAPAIAN	STAF
<ul style="list-style-type: none"> 300 Most Influential Women in Islamic Business and Finance by Cambridge International Financial Advisory” in the WOMANI Report 2020 Advisory Board Kuliyah Muamalat dan Sains Pengurusan, UNISHAMS Committee Social Responsibility Network 	Prof Dr Roshima Said
<ul style="list-style-type: none"> Visiting Profesor and External Examiner Management and Science University (MSU) Alternate chairperson and member of MQA accreditation committee (MJA)(Social Science and Art) Senior Assessor Malaysian Qualification Agency (MQA) 	Prof Dr Hj Mohamad Abdullah Bin Hemdi
<ul style="list-style-type: none"> International Visiting Professor Program – Universitas PGRI Adi Buana, Surabaya, Indonesia Keynote speaker “Paving forward : Embracing Opportunities for Higher Education Institutions” Universitas Sarjanawiyata Tamansiswa Indonesia 	Dr Wan Irham Bin Ishak
<ul style="list-style-type: none"> Panel Penilai MQA untuk Asia Pacific University of Technology and Innovation, Selangor Penilai luar (ahli akademik) program akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Head Panel of Accreditation for Bachelor of Design (Hons) in Transport Design, Lim Kok Wing University of Creative Technology Mentor for North Zone for University Ambassador related to RTC in the Northern Region appointed by Ministry of Higher Learning Institution in Malaysia. 	Profesor Madya Ts Dr Azhari Bin Md Hashim

PENCAPAIAN	STAF
<ul style="list-style-type: none"> Visiting Fellow – Library Technician Study Program, Engineering Department of the Faculty of Vocational Studies, Universitas Airlangga, Indonesia Associate Members – Majlis Profesor Negara (National Council of Professors) Member of Crown of Kedah (Ahli Mahkota Kedah) 	Profesor Madya Ts Dr Asmadi Mohammed Ghazali

UiTMKDH prihatin di dalam memastikan segala aspek berkaitan kesihatan dan keselamatan pekerja sentiasa berada pada tahap optimum. Untuk memastikan UiTMKDH bersetuju menguruskan perihal berkaitan kesihatan dan keselamatan ini, tiga (3) jawatankuasa telah diwujudkan iaitu JOBN, JKPN dan JPR. Jawatankuasa ini saling berkaitan di dalam memastikan pengurusan aspek risiko keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilakukan secara berkesan. SOP iaitu arahan kerja dan garis panduan berkenaan sesuatu tugas juga diwujudkan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan salah faham dan kegagalan mengikut peraturan yang telah disenaraikan. SOP ini menjadi rujukan sumber manusia untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Ia juga dijadikan sebagai panduan keselamatan oleh pihak UiTMKDH untuk melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa.



Rajah P 1.14: Pendedahan berkaitan kesihatan dan keselamatan



Rajah P1.15 Perincian tentang penganjuran kursus UiTMKDH

UiTMKDH sentiasa menitikberatkan well being (kesejahteraan) kakitangan dalam menjalankan tugas mereka. Satu kajian bagi melihat kepuasan bekerja kakitangan UiTMKDH telah dijalankan secara atas talian melibatkan 211 orang kakitangan. Hasil dapatan kajian mendapati kepuasan bekerja bagi kakitangan akademik adalah pada 4.11 dan 4.07 bagi kakitangan pentadbiran. Skala yang digunakan adalah 1 = Sangat tidak berpuashati, 2 = Tidak berpuas hati, 3= Neutral, 4 = Berpuas hati dan 5= Sangat berpuas hati. Daripada hasil kajian tersebut menunjukkan kedua-dua kumpulan staf adalah berada pada tahap berpuas hati di dalam menyatakan rasa kepuasan mereka bekerja di UiTMKDH.

D. ASET

(i). Apakah kemudahan, teknologi dan peralatan utama jabatan anda?

UiTMKDH menyediakan pelbagai kemudahan, teknologi dan peralatan bagi menjamin keperluan, peningkatan kemahiran dan kesejahteraan para pelajar dan staf. Senarai aset-aset yang terdapat di UiTMKDH adalah seperti di berikut:

Jadual P 1.7: Kemudahan Aset dan Perkhidmatan UiTMKDH

KEPERLUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)		
Bilik Kuliah TEC	Bilik Kuliah dilengkapi Projektor	Bilik Kuliah LV
Smart Classroom	Perpustakaan	Bilik Mesyuarat
Bilik Seminar	Studio Fotografi	Bengkel Kayu dan Besi
Bengkel FSSR	Bilik Percetakan Pensyarah	Bilik Gerakan Peperiksaan
Bilik Kebal	Dewan Kuliah	
PENEMPATAN, PERKHIDMATAN DAN FASILITI		
Kemudahan Kolej Kediaman	Bilik bacaan dan ruang baca santai	Surau
Kolej Malinja	Bilik TV	Gazebo
Kolej Masria	Bilik Komputer	<i>Hot and Cold Dispenser</i>
Kolej Murni	Talian Internet (WIFI)	Mesin Minuman
Kolej Mahsuri	Rumah Residen Staf	Koperasi
Kolej Rumah Taman Universiti	Rumah Tamu	Galeri Seni
Perkhidmatan Dobi	Unit Kesihatan	Depo Bas
Perkhidmatan Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP)	Perkhidmatan Siaraya	Kompleks Sukan
LAIN-LAIN KEMUDAHAN		
Ruang Santai Pensyarah di Blok A	Parkir OKU	CCTV
Pusat Islam	Mesin ATM	Tasik Merbok
Surau Blok Hal Ehwal Akademik	Surau di Dewan Sri Jerai	Parkir pelajar/Pelawat
Padang Kawad	Tasik Merak	Parkir Staf
Pusat Kesihatan	Kiosk Makanan	Kiosk Minuman Nescafe
Dataran Masmed	Perkhidmatan Unimail	<i>Academic Courtyard</i>
Dewan Merbok	Dewan Perdana	<i>Dewan Seri Jerai</i>

Rekod Senarai Utama Aset UiTMKDH

Di samping itu, UiTMKDH menyediakan pelbagai kemudahan teknologi seperti perisian makmal komputer bagi meningkatkan kecekapan serta kemahiran para pelajar dan stafnya. Berikut adalah senarai perisian makmal komputer yang boleh di dapat di UiTMKDH:

Jadual P 1.8: Perisian Makmal Komputer UiTMKDH

NAMA MAKMAL	PERISIAN
Makmal Komputer 1	M. Office 2016/2019, M. Front Page , Microsoft Project 2013, , Macromedia Director MX, Xampp Borland C++, MS Visio 2007, Maple 2016, PHP, Macromedia Dreamweaver CC, SPSS 27, VMWare Player, JCreator, JDK
Makmal Komputer 2	M. Office 2016/2019, M. Front Page, Borland C++, Microsoft Project 2013 , JDK 5.0, ASP, IIS Server, MySQL, Java, M. Front Page 2003 , Adobe Acrobat 8, Maple 2016, MS Visio 2007, Macromedia Director MX, SPSS 27, Python 3.7, JCreator, VMWare, Circuit Maker Students Version 6.2
Makmal Komputer 3	M. Office 2016/2019, SPSS 26, Microsoft Project 2010, Assembly Language, Microsoft FrontPage 2003, Eviews 11, Python 3.7, JCreator, Xampp, VMWare, Scheme, Prolog
Makmal Komputer 4	M. Office 2016, SPSS 26 , Adobe Acrobat 8, WinISIS, Tora, IBM DB2, NetBeans 7.0 (jdk6), Microsoft Project 2019, IIS Manager, Frontpage 2003, Alice 3.4, JCreator, JDK - lebih kepada Pelajar Pengurusan Teknologi Pejabat - percetakan – 2 unit laserjet monochrome untuk Pelajar Pengurusan Teknologi Pejabat
Makmal Komputer 5	Macromedia Director MX, Authorware CC , Swish , QuickTime, Adobe Acrobat 8, FrontPage 2003, M. Office 2019, NetBeans 7.0 (jdk6), IIS Manager, IBM DB2, Microsoft Project 2019, SPSS 26, Alice 3.4, JCreator, JDK - lebih kepada Pelajar Pengurusan Teknologi Pejabat - percetakan – 2 unit laserjet monochrome untuk Pelajar Pengurusan Teknologi Pejabat
Makmal Komputer 6	M. Office 2019, Macromedia Director MX, Authorware CC, Swish, QuickTime, Adobe Photoshop CC, Illustrator CC, Premiere CC, SoundForge, Adobe InDesign CC, Macromedia Studio CC, Adobe Acrobat 8, Fireworks, Animate CC, UBS, SPSS 26, Microsoft Project 2019, Alice 3.4, JCreator, SQL Account, Circuit Maker Students Version 6.2
Makmal Komputer 7	M. Office 2019, SPSS 26, Borland C++, Adobe Acrobat 8, WinISIS, TORA, UBS, Xampp, Macromedia Dreamweaver CC, Adobe Photoshop CC, Microsoft Project 2019, Myob, Tableau, Alice 3.4, Python 3.7, Borland C++, JCreator, Xampp, SQL Account, Circuit Maker Students Version 6.2
Makmal Komputer 8	Adobe Photoshop CC, Illustrator CC, InDesign CC, Animate CC, After Effects CC, Premiere CC, Microsoft Office 2007. 3D Studio Max (version 7/ above) (15), QuickTime, Sound Forge, AUTOCAD 2010, Flamingo, Rhino - Beberapa workstation mengalami masalah teknikal dan tidak dapat diganti/dibaiki kerana kekangan peruntukan/teknologi usang yang dapat digunakan hanya 4 unit sahaja.
Makmal Komputer 9	Borland C++, Microsoft Office 2016, SPSS 26, Maple 2016, JDK 5.0, MS Visio, Blue J, Adobe Acrobat 8, Adobe InDesign, Illustrator CC, InDesign CC, Photoshop CC, Adobe Dreamweaver CC, Adobe Flash CC, VMware, Netbeans 7.0(jdk6), Xampp, Azure, RStudio, Alice 3.4, Python 3.7, JCreator, Scheme, Prolog, Circuit Maker Students Version 6.2 - makmal ini juga dilengkapi dengan peralatan sistem rangkaian CISCO - lebih kepada pelajar Computer Science

NAMA MAKMAL	PERISIAN
Makmal MAC 1	Adobe Photoshop CC 2019, Illustrator CC 2019, InDesign CC 2019, After Effects CC 2019, Premiere CC 2019, InDesign CC 2019, Animate CC 2019, QuickTime, Corel Painter 11, Final Cut Studio 3 - semua perisian adalah MAC version
Makmal Komputer 10 (Big Data Lab)	Borland C++, Microsoft Office 2019, SPSS 26, JCreator & JDK 5.0, Blue J, Adobe InDesign CC, Illustrator CC, InDesign CC, Photoshop CC, Macromedia Director MX, Dreamweaver CC, Animate CC, Freehand, Maple 2016, Pascal, Prolog, Scheme, ASP, MySQL, IIS Manager, FrontPage 2003, Project 2007, Xampp, Microsoft Azure, R Studio, Alice 3.4, Python 3.7, JCreator, VMWare, Circuit Maker Students Version 6.2 - lebih kepada pelajar Computer Science, subjek Big Data samada dari FPP, FSKM, FACC, FSPP
Makmal Komputer 11	Microsoft Office 2019, SPSS 26, Adobe Acrobat 8, Robotel, Maple 2016, Circuit Maker Students Version 6.2 - makmal Bahasa
Makmal Komputer 12	Microsoft Office 2019, SPSS 26, Adobe Acrobat 8, Maple 2016, Microsoft Project 2010, UBS, Circuit Maker Students Version 6.2, Dev C++ - makmal Bahasa
Makmal Komputer 13	Macromedia Director CC, Authorware, QuickTime, Adobe Photoshop CC, Illustrator CC, Premiere, Adobe Acrobat 8, Microsoft Office 2016, SoundForge, Adobe InDesign CC, Macromedia Director MX, WinLISIS, Swish, Fireworks, Animate CC, JCreator & JDK 5.0, KOHA, SPSS 26, Visual Studio .Net, Alice 3.4 - lebih kepada pelajar Pengurusan Maklumat
Makmal Komputer 14	Adobe Photoshop CC, Illustrator CC, InDesign CC, Animate CC, After Effects CC, Premiere CC, Microsoft Office 2010, QuickTime, Sound Forge, AUTOCAD 2015, Solidworks 2014, Alias Design 2014, Alice 3.4
Makmal Komputer Staf	Microsoft Office 2019, Microsoft Project 2016, Microsoft Visio 2016, IBM DB2, Alice 3.4, Microsoft Access, SQL Account

Sumber: Rekod Pengurusan Fasiliti & ICT UiTMKDH

UiTMKDH juga menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong projek dan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan di UiTMKDH. Senarai kemudahan yang disediakan bagi projek dan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan adalah seperti berikut:

Jadual P 1.9 : Kemudahan Prasarana Projek Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMKDH

KEMUDAHAN PRASARANA PROJEK JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN	
Kemudahan Pengangkutan (bas dan lori)	Kemudahan Peralatan Sukan
Kemudahan Peralatan (Khemah dll)	Kemudahan Stor Simpanan
Kemudahan Percetakan	Peruntukan Tabung TAPA
Kemudahan Komputer dan Internet	Pondok Rehat
Kemudahan Telefon	Kemudahan Bilik Gerakan/ Aktiviti Pelajar
Kemudahan Alat Tulis	Kemudahan Kediaman Kolej
Kemudahan Peralatan Studio	Kemudahan Peralatan Bengkel
Kemudahan Perbincangan Pasca Siswazah	Kiosk MASMED/ Dataran MASMED

KEMUDAHAN PRASARANA PROJEK JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN	
Kiosk PEWANI	UNIMAIL
NESCAFE Hub	Kiosk ICIP-ICIP
Food Court Tasik Merak	Galeri Batik Merbok
Kedai Merbok Creative Multimedia	Dataran Bazaar Kolej Murni

E. KEPERLUAN PERUNDANGAN

(i). Apakah persekitaran perundangan dan peraturan yang dirujuk oleh jabatan anda ketika beroperasi? Apakah peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan; keperluan akreditasi, pensijilan atau pendaftaran; piawaian pendidikan; peraturan persekitaran dan kewangan serta peraturan program pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan jabatan anda?

Seperti mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang lain, UiTMKDH juga tertakluk pada sistem perundangan dan peraturan yang telah digaris dan ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ini bagi menjamin pelaksanaan pengajaran, pembelajaran dan pendekatan ilmu serta pengiktirafan terhadap sijil graduan adalah bertepatan dengan kehendak Kementerian Pengajian Malaysia. Ianya juga bagi menjamin keboleh pasaran graduan dalam mana-mana bidang pekerjaan yang diceburi seperti yang diinginkan oleh mana-mana sektor pekerjaan.

Persekutuan perundangan dan peraturan merangkumi peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan; keperluan akreditasi, pensijilan atau pendaftaran; piawaian pendidikan; peraturan persekitaran dan kewangan serta peraturan program pendidikan dan perkhidmatan. Senarai akta, peraturan dan garis panduan yang digunakan oleh UiTMKDH seperti berikut memperjelaskan sandaran UiTMKDH dalam operasinya.

Jadual P 1.10 : Akta, Peraturan dan Garis Panduan UiTMKDH

AKTA, PERATURAN & GARIS PANDUAN YANG DITETAPKAN	
Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153)	Buku Panduan Manual Proses Kerja UiTM
Akta 173 dan Akta 174	Buku Nilai dan Etika Pensyarah
Akta Badan-Badan Berkaryan (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Buku Struktur Tadbir Urus Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia UiTM
Akta Rahsia Rasmi 1972	Buku Nilai dan Etika Warga UiTM
Akta Arkib Negara 2003	Buku Panduan Staf UiTM
Akta Multimedia	Buku Panduan ISO 9001:2015
Akta Hakcipta	Manual Sumber Manusia
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514)	Manual Tadbir Urus UiTMKDH
Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam	Panduan Perkhidmatan Universiti
Pekeliling – Pekeliling UiTM	Perancangan Strategik Sumber Manusia UiTM
Peraturan Akademik	Objektif Kualiti
Perintah-Perintah AM	Aku Janji Staf
Arahan Keselamatan	Fail Meja
Arahan Perintah Am Kerajaan	Budaya PERDANA
Arahan Kerja (untuk Staf Pentadbiran)	Arahan Perbendaharaan

Sumber: Bahagian Pentadbiran UiTMKDH

Semua program yang ditawarkan di UiTMKDH telah mendapat pengiktirafan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Berikut merupakan senarai program yang terdapat di UiTMKDH.

Jadual P 1.11 : Senarai Program Yang Ditawarkan Oleh UiTMKDH

FAKULTI	BIDANG			
	Pra/Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana/PhD	Program Jarak Jauh
Fakulti Perakaunan (FP)	Diploma Perakaunan	Sarjana Muda Perakaunan	-	Diploma Perakaunan Sarjana Muda Perakaunan
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP)	Diploma Pentadbiran Awam	Sarjana Muda Sains Pentadbiran	-	Diploma Pentadbiran Awam Sarjana Muda Sains Pentadbiran
Kolej Pengajian Seni Kreatif	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Perindustrian) Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Grafik & Media Digital)	Sarjana Muda Seni Reka Industri		Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Perindustrian) Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Reka Grafik & Media Digital) Sarjana Muda Seni Reka Industri
Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP)	Diploma Pengajian Perniagaan Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat Diploma Pengajian Perbankan Pra Diploma (MDAB)	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Islam) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi Perniagaan) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi)	Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan (Doctor of Business Administration) Sarjana Eksekutif Pentadbiran Perniagaan (Executive Master of Business Administration) EMBA	Diploma Pengajian Perniagaan Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat Diploma Pengajian Perbankan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Antarabangsa) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Islam) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia) Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi)

FAKULTI	BIDANG			
	Pra/Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana/PhD	Program Jarak Jauh
Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM)	Diploma Sains Komputer	-	-	Diploma Sains Komputer
Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM)	Diploma Pengurusan Maklumat Diploma Pengurusan Perpustakaan	Sarjana Muda Sains (Pengurusan Maklumat & Perpustakaan)	-	Diploma Pengurusan Maklumat Diploma Pengurusan Perpustakaan

P.2 HURAIAN PERTALIAN HUBUNGAN

A. STRUKTUR JABATAN

(i). Apakah struktur dan sistem governan jabatan anda?.



Rajah P 1.16: Carta Organisasi Pengurusan Eksekutif bagi tahun 2022

Struktur organisasi UiTM Kedah diketuai oleh Rektor, tiga (3) orang Timbalan Rektor (HEA, HEP, PJI), Timbalan Pendaftar, Timbalan Bendahari, Jurutera dan Timbalan Ketua Pustakawan. Carta organisasi di bawah menggambarkan hierarki pucuk kepimpinan Pengurusan Eksekutif yang merupakan endorser kepada setiap projek yang dirancang.

(ii). Apakah pertalian hubungan pelaporan di antara lembaga governan, kepimpinan kanan dan jabatan induk, di mana berkaitan?

Fungsi utama UiTMKDH adalah menyedia dan mengendalikan perkhidmatan Pendidikan tinggi seperti berikut; melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perundingan, menjalankan penulisan dan penerbitan ilmiah dan menganjurkan program khidmat masyarakat. Walaupun beroperasi sebagai sebuah kampus cawangan, UiTMKDH adalah tertakluk kepada sistem governan induk dalam perkhidmatan-perkhidmatan utama seperti Pendaftaran Program, Rekabentuk dan Semakan Program, Pengijazahan, Penilaian, Community Engagement, MoU/MoA dan lain-lain. Malah penetapan halatuju dan objektif kualiti UiTMKDH perlu diselaraskan dengan aspirasi halatuju strategik UiTM.

B. PELANGGAN

(i). Kenalpasti segmen pasaran, pelanggan dan pihak berkepentingan di mana berkaitan.

Segmen pelanggan dan pihak berkepentingan UiTMKDH terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Pelanggan Misi dan Pelanggan Proses. Jadual P 1.11 di bawah memperincikan segmen pelanggan UiTMKDH.

Jadual P 1.12 : Segmen Pelanggan dan Pihak Berkepentingan UiTMKDH

PELANGGAN UiTMKDH			
PELANGGAN MISI	PELANGGAN PROSES		
	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN DAN PENGKOMERSILAN	JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT
Ibubapa/ Penjaga			
Penaja Pelajar	Pelajar	Pensyarah Penyelidik	Staf (akademik dan bukan akademik)
Kementerian Pendidikan Tinggi	Pensyarah	Pengawai Penyelidik	Pelajar
Lembaga Pengarah Universiti	Pentadbir Akademik dan Profesional	Pembantu Penyelidik	Masyarakat
UiTM	Staf Sokongan	Pentadbir Akademik dan Profesional	Alumni
Industri		Staf Sokongan	Pentadbir Akademik dan Profesional
			Staf Sokongan

(ii). Apakah keperluan dan pengharapan utama mereka terhadap bidang tumpuan pilihan serta operasi yang terdapat di jabatan anda? Apakah perbezaan keperluan dan pengharapan yang terdapat di antara segmen pasaran, pelanggan dan pihak berkepentingan?

Bagi bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan, UiTMKDH telah mengenalpasti fungsi asas pelanggan dalaman dan luaran mengikut keperluan peranan tanggungjawab sosialnya yang berbeza bagi setiap jenis pelanggan. Ini bertujuan merealisasikan pencapaian keperluan strategik kampus. Antaranya pelanggan UiTMKDH adalah seperti dalam Jadual P 1b(2) di bawah.

Jadual P 1.13: Pelanggan dan Peranan Tanggungjawab Sosial

KATEGORI PELANGGAN	PELANGGAN	KEPERLUAN PERANAN DAN SUMBANGAN
DALAMAN	Pelajar	<p>Dapat meningkatkan soft-skills dalam diri pelajar terutamanya dalam aspek kepimpinan.</p> <p>Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pelbagai projek yang diadakan.</p> <p>Meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar dengan lebih berkesan.</p> <p>Mendapat peluang untuk mengendalikan perniagaan.</p> <p>Mendapat kemudahan penginapan di dalam kampus sepanjang pengajian pelajar di UiTMKDH</p>

KATEGORI PELANGGAN	PELANGGAN	KEPERLUAN PERANAN DAN SUMBANGAN
DALAMAN	Staf	<p>Staf yang produktif dan kompetitif, mampu menyumbang kepada peningkatan kerjaya serta bersikap tanggungjawab terhadap keadaan persekitarannya termasuk melibatkan diri dalam aktiviti atau projek bersama para pelajar seperti projek-jaringan industri dan keusahawanan.</p> <p>Mampu menjadi contoh kepada pelajar dan memberikan motivasi kepada pelajar agar menjadi pelajar cemerlang.</p>
2	Geran Penyelidikan Zakat, Wakaf dan Sedekah : UiTM Kedah	Membantu LZNK menambah baik pengurusan zakat, mendapatkan maklumat daripada penerima dan pembayar zakat serta mencari penyelesaian masalah.	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 18 kumpulan penyelidik telah memperoleh geran ini. Pada tahun 2022, geran penyelidikan ini telah menghasilkan 13 penerbitan berindeks. Selain itu, menerusi geran penyelidikan ini telah menghasilkan juga penerbitan tidak berindeks, bab dalam buku dan juga lain-lain penerbitan.



KDHBUKTI 4_K4.2_Geran Penyelidikan dengan Pihak Luar

No	PROGRAM	PENERANGAN/PENCAPAIAN	ITEM PENGUKURAN
1	Batik Merbok	<p>Batik Merbok merupakan salah satu produk kebanggaan UiTMKDH. Objektif penubuhan Batik Merbok adalah untuk mewujudkan satu pusat penyelidikan dan pembangunan Batik Merbok Design Centre (BMDC), yang membangun dan menghasilkan produk dan reka bentuk Batik Merbok secara eksklusif, kreatif, berkualiti serta menepati kehendak komersial dan global.</p> <p>Antara pencapaian Batik Merbok:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembekalan Batik Merbok untuk Majlis Kemuncak Inovasi UiTM 2022 • Membentangkan cadangan reka bentuk Batik Merbok kepada Kerajaan Negeri Kedah. • Batik Merbok sebagai cendera kenangan utama sempena Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-93 pada 14 Jun 2022 (Cenderahati kepada Canselor UiTM dan Sultan Selangor). • Hasil daripada batik Merbok pada tahun 2022 adalah sebanyak RM62,666.00. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program yang telah dijalankan • Bilangan tempahan cenderahati dan kain pasang Batik Merbok • Produktiviti pengeluaran produk Batik Merbok • Jumlah pendapatan Batik Merbok
2	Projek Penanaman Nanas	<p>Projek Penanaman Nanas di UiTMKDH telah dijalankan pada penghujung 2020 dengan keluasan 20 ekar melibatkan dua jenis varieti nanas iaitu nanas Moris dan MD2.</p> <p>Antara pencapaian daripada projek ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu sesi perkongsian diantara UiTM Cawangan Kedah bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah dilakukan secara santai di kawasan penanaman nanas yang diusahakan oleh pihak UiTMKDH pada 13 Mei 2022. • Perkongsian pengetahuan melalui Program Lawatan dan Pembelajaran Pengusaha-Pengusaha Nanas LNPPM Wilayah Timur di UiTMKDH pada 25 Mei 2022. • Penjanaan pendapatan melalui tanaman nanas pada tahun 2022 adalah sebanyak RM242,904.49. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program yang telah dijalankan. • Pendapatan tanaman nanas.
3	Nescafe Hub UiTM Kedah	<p>Nescafe Hub adalah aktiviti perniagaan air kopi Nescafe pelbagai perisa yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar UiTMKDH. Objektif penubuhan Nescafe hub membentuk pelajar menjadi usahawan masa hadapan, melatih pelajar menghadapi situasi perniagaan sebenar dan menawarkan kopi dengan harga yang berpatutan. Seramai 22 orang pelajar terlibat dengan program jualan ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah yang diterima. • Bilangan pelajar yang terlibat • Penjanaan pendapatan

		<p>Antara pencapaian Nescafe Hub UiTM Kedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kolaborasi bersama Nestle Berhad. • Pasukan UiTMKDH telah berjaya menduduki tempat kedua daripada 16 universiti seluruh Malaysia yang menyertai pertandingan NESCAFÉ Youth Entrepreneurship Programme 2022. • Penjanaan pendapatan nescafe pada tahun 2022 adalah sebanyak RM17,075.65 	
4	ICIP-ICIP My Agrosis	<p>ICIP-ICIP My Agrosis adalah projek keusahawanan untuk memberi peluang kepada pelajar asnaf menjana pendapatan. Aktiviti jualan di bawah kelab ini adalah jualan makanan ayam gunting.</p> <p>Antara pencapaian ICIP-ICIP My Agrosis</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kolaborasi bersama TKC Enterprise. • Hasil jualan makanan ayam gunting pada tahun 2022 adalah sebanyak RM264,279.00. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kolaborasi Enterprise Bersama MASMED • Bilangan pelajar yang terlibat • Jumlah jualan.
5	Social Enterprise Club (SEC)	<p>SEC menjalankan aktiviti jualan air balang dan juga terlibat dengan perniagaan dalam Bazar Ramadhan di UiTMKDH. Objektif penubuhan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar asnaf menjana pendapatan. Hasil jualan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM8470.70.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan projek yang dijalankan • Bilangan pelajar yang terlibat • Jumlah hasil jualan.
6	UniMAIL UiTM Kedah	<p>Penubuhan UniMAIL adalah satu inisiatif MASMED dalam mewujudkan satu lagi inkubator dan pusat pembelajaran perniagaan/latihan keusahawanan berdasarkan perkhidmatan penerimaan dan pengeposan parcel. Di samping itu, UniMAIL ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah penerimaan surat dan parcel yang tinggi dihadapi oleh bahagian pentadbiran. Penubuhan UniMAIL ini juga memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar yang menjalankan perniagaan secara atas talian untuk membuat penghantaran barang jualan tanpa perlu keluar dari kampus. Hasil jualan pada tahun 2022 RM 4319.00.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pelajar yang terlibat • Jumlah hasil jualan

KDHBUKTI 5_K4.2_Senarai Projek Keusahawan UiTMKDH

4.3 PERLUASAN

Nyatakan apakah data-data dan kaedah/metodologi yang digunakan untuk membuat penilaian, kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa. (Infografik adalah digalakkkan).


UiTMKDH adalah komited dalam memastikan data-data yang dikumpul sama ada secara berkala atau berterusan sepanjang tahun dapat digunakan sebagai satu penilaian dalam memastikan sasaran bagi bidang tumpuan (Jaringan Industri dan Keusahawanan) yang digariskan pada tahun 2022 dapat dicapai. Data-data ini dikumpulkan melalui instrumen pengukuran yang **dikenalpasti** seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 4.2 (Pendekatan) (**Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.3_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan**).

Contoh data-data yang **dikumpulkan** adalah daripada maklum balas pelanggan, laporan-laporan seperti laporan aktiviti yang disediakan oleh Koordinator bahagian ICAN, PJI dan juga MASMED, buletin tahunan seperti buletin Seni Galeri Merbok, Laporan Tahunan UiTMKDH iaitu @Kedah dan Laporan Kewangan bagi program keusahawanan. Bagi memudahkan proses pengumpulan data, sebagai contoh, di setiap fakulti, Ketua Pengurusan ICAN telah dilantik bagi membolehkan data-data aktiviti yang dijalankan dapat dikumpulkan bagi tujuan pelaporan oleh Koordinator ICAN.

Selain itu, UiTMKDH juga telah memanfaatkan penggunaan sistem seperti Sistem PRIME, eRespon, Sistem eXtv dan lain-lain untuk mengukur pencapaian prestasi dan memantau pencapaian semasa secara berkala. Item-item pengukuran ini dikumpulkan untuk tujuan analisis data. Kaedah pengumpulan data oleh UiTMKDH adalah mengikut jenis data yang dikumpul, kekerapan pengumpulan data, capaian dan kegunaan hasil analisis data yang telah berjaya dikumpulkan. Kaedah pengumpulan data ini diringkaskan dalam **KDHBUKTI 2_K4.3_Kaedah Pengumpulan Data oleh UiTMKDH** sebagai rujukan.

Hasil daripada **analisis** data ini kemudian dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) bagi tujuan **pemantauan** dan pelaporan untuk tindakan selanjutnya di peringkat UiTMKDH (**Rujuk bukti KDHBUKTI 3_K4.3_Lampiran Contoh Data daripada Instrumen Pengukuran oleh UiTMKDH**). Pemantauan dan analisis data ini penting dalam memastikan sebuah pencapaian yang baik dan memuaskan dalam bidang tumpuan.

LAMPIRAN BUKTI 4.3



KDHBUKTI 1_K4.3_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan

Bil	Kaedah Pengumpulan Data	Jenis data yang dikumpul	Kekerapan Pengumpulan Data	Capaian	Kegunaan hasil analisis data
1.	Sistem PRIME	Data bilangan pencapaian penerbitan yang diterbitkan sepanjang tahun	Setiap bulan	Warga UiTM	Data digunakan bagi memantau maklumat penerbitan bagi Q1, Q2, Q3 dan Q4 dan menambah baik prestasi PI penerbitan UiTMKDH
2.	Sistem UePMO	Data pencapaian PI tahunan UiTMKDH	Setiap bulan	Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti	Data digunakan untuk membantu UiTMKDH mencapai sasaran PI yang ditetapkan. Analisa dibuat bagi memudahkan kampus merancang pelan tindakan terbaik untuk mencapai PI yang disasarkan.
3.	Sistem NILAMs	Data maklumat dan senarai MOA/MOU	Setiap bulan	Pegawai Eksekutif Kanan PJIM&A	Data digunakan untuk mengenal pasti dan merekod maklumat MOU/MOA di kampus dan membuat perancangan untuk mencapai sasaran PI yang ditetapkan
4.	Sistem eXtv (Sistem Laporan Aktiviti Kampus)	Data senarai dan laporan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun	Setiap bulan	Warga UiTMKDH	Data digunakan bagi merekod dan memantau aktiviti/program yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan.
5.	Sistem Maklumat Kewangan (FAIS)	Data penjanaan pendapatan bagi Nanas Batik Merbok dan aktiviti keusahawanan	Setiap kali jualan	Bendahari	Data digunakan untuk merekod dan memantau aliran dan prestasi jualan.
6.	Sistem StoreHub (Nescafe Hub)	Data hasil jualan harian, bulanan dan tahunan, transaksi jualan, jumlah minuman yang dijual dan jumlah pelanggan	Setiap hari operasi	Koordinator MASMED	Data digunakan untuk memastikan jumlah jualan harian tunai adalah seimbang dengan laporan di sistem. Menyediakan laporan aliran tunai dan memantau prestasi jualan.
7.	Sistem eRMS	Data jenis tahap risiko dan keterangan risiko yang diterima oleh bahagian/unit yang terlibat	Setiap kali risiko didaftarkan	Penyelaras Pengurusan Risiko	Data digunakan untuk mengenal pasti tahap risiko dan impaknya terhadap kampus seterusnya merancang tindakan pengurusan dan pemantauan risiko.

KDHBUKTI 2_K4.3_Kaedah Pengumpulan Data oleh UiTMKDH

8.	Sistem eRespon, Sistem eAMP dan Maklum balas pelanggan (Google Form)	Data mengenai senarai cadangan/ aduan/ maklumbalas dan pertanyaan oleh pelajar dan staf	Setiap kali permohonan diterima	Warga UiTMKDH	Data digunakan untuk membantu setiap bahagian menyelesaikan setiap aduan yang diterima dengan lebih sistematis dan memantau peratusan kepuasan hali pelanggan terhadap tindakan.
9.	Laporan pencapaian/ aktiviti/ program oleh Koordinator ICAN	Data pencapaian dan senarai aktitviti yang telah dijalankan sepanjang MOA/MOU/geran berlangsung.	Setiap tiga bulan	Koordinator ICAN	Data digunakan bagi memantau dan memudahkan pihak yang terlibat untuk memastikan kesemua PI dapat dilaksanakan.
10.	Google Form PI oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti	Data pencapaian sasaran yang telah dicapai bagi setiap PI UiTMKDH	Setiap bulan	Warga UiTMKDH	Data digunakan bagi memudahkan pemantauan dan pengukuran PI kampus
11.	Buletin Tahunan Galeri Seni Merbok	Data aktiviti yang melibatkan penghasilan dan penjualan Batik Merbok	Setiap tahun	Warga UiTMKDH	Data digunakan untuk memantau prestasi dan jualan yang berlangsung secara keseluruhan melibatkan Batik Merbok
12.	Laporan/ Fail aktiviti MASMED	Data senarai dan hasil jualan aktiviti keusahawanan	Setiap kali operasi	Koordinator MASMED	Data digunakan untuk memantau prestasi program keusahawanan yang dijalankan.
13.	Template Excel UNIMAIL	Data senarai keluar (jualan) dan masuk parcel	Setiap hari	Koordinator MASMED dan Pelajar	Data digunakan untuk mengumpul dan merekod aktiviti keluar dan masuk parcel serta prestasi program UNIMAIL di UiTMKDH

KDHBUKTI 2_K4.3_Kaedah Pengumpulan Data oleh UiTMKDH



Rajah K4.3(a): Paparan Sistem StoreHub bagi Prestasi Jualan Nescafe

SALURAN ADUAN	KATEGORI PELANGGAN			JENIS ADUAN			JUMLAH
	PELAJA STAF	PELANGGAN LUAR	PERTANIA YAN	GRADUA N	ADUAN	PENGHARGA AN	
Kaunter	0	0	0	0	0	0	0
e-Aduan	0	0	0	0	0	0	0
Borang Maklumbalas Pelanggan	473 4	212 4	666	0	0	0	7524
Akbar	0	0	0	0	0	0	0
Melalui Elektronik (emei , whatappz , SMS)	10	0	2	7	0	4	12
Melalui Media Sosial (Facebook, Twitter, Instagram)	37	2	38	77	0	0	77
Melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	0	0	0	0	0	0	0
Melalui Biro Pengaduan Awam (BPA)	0	0	0	0	0	0	0
Hadir Sendiri	0	0	0	0	0	0	0
Lain-lain* *Contoh : Notis bertampal, surat layang	0	0	0	0	0	0	0
Lain-lain* (Setem e-RESPON UiTM Kedah)	13	18	2	4	4	25	33

Rajah K4.3(b): Jumlah Aduan yang diKumpulkan melalui Saluran Aduan yang Diterima

Senarai Penerbitan 2022		
File	Edit	View
1. A vulnerability detection framework for IoT devices: Smart lock	TANIZA I	AHMAD
2. An Improved Momentum Rate in Artificial Neural Networks for Estimating Product Cycle Time at Semi-automatic Production	NURUL I	NURUL I
3. Biomaterials in Everyday Design: Understanding Perceptions of Designers and Non-Designers	SHAMSL	SHAMSL
4. Channel Congestion Control in VANET for Safety and Non-Safety Communication: A Review	SHAMSL	SHAMSL
5. Cross-layer optimization for VANET city scenario using Taguchi mechanism	AHMAD	AHMAD
6. Development of A Computer Simulation on Road Pricing Strategy to Reduce Congestion and Carbon Dioxide Emission: A System Dynamics Approach	NURUL I	NURUL I
7. EDU_INSIGHTS: The Analytic Tools to Assess Students' Satisfaction Level in Open and Distance Learning (ODL)	NOR AZI	NOR AZI
8. Incorporating Tax Education in Non-Accounting Curriculum: A Malaysian and Indonesian Study	MAZURIF	MAZURIF
9. Mobile Application for Malaysian Diabetes Dietary Monitoring System (My-DDMS)	SHAMSL	SHAMSL
10. Motion Detection System Recognition of Early Sign of Depression	NURUL I	NURUL I
11. Preliminary Validation of Serious Game Model Elements Compatible with Brain-Based Learning Using Delphi Technique	NURIDA BI	NURIDA BI
12. Preserving Monotonicity of Ball Curve and It's Curvature Profile	AHMAD	AHMAD
13. Simulating the Cycle Time based on a Manpower Performance Through a System Dynamics Model: A Case Company in the Automotive Sector	NORLIAF	NORLIAF
14. Students' Satisfaction in Online Distance Learning Using Fuzzy Logic and Inference System	AHMAD	AHMAD
15. The Optimization of the Halophilic Cellulase Production: A 3-2-2 Multilayer Perceptron Artificial Neural Network Approach	YANTI A	YANTI A
16. A BIBLIOMETRIC AND TOPIC MODELING OVERVIEW OF KAJIAN MALAYSIA BETWEEN 2011 AND 2020: A RESEARCH NOTE	ZAHERA'	ZAHERA'
17. Are Customers Satisfied with Service Quality in Malaysia Airports? Empirical Findings from Penang Airport	HAFIZAH	HAFIZAH
18. Asymmetric Impact of Exchange Rate Changes on Money Demand in Malaysia		

Rajah K4.3(c): Contoh Senarai Penerbitan yang Dikumpulkan bagi Tahun 2022

Printed from UePMOD v3

UITM2025 Strategic Plan
Performance Indicator (PI) Achievement FY2022

PI No - Performance Indicator	Target	Achievement	Indicator	% Achievement	Remarks	Owner Remarks
UITM CAWANGAN KEDAH						
PI006 Percentage of CGT students (undergraduate)	45.00	31.76	●	100		
PI007 Number of inbound students (minimum 1 day)	70.00	116.00	●	160		
PI008 Number of outbound students (minimum 1 day)	71.00	201.00	●	100		
PI009 Number of inbound students (2 weeks)	5.00	0.00	●	0		
PI010 Number of outbound students (2 weeks)	5.00	0.00	●	0		
PI013 Number of new Massive Open Online Course (MOOC)	4.00	0.00	●	0		
PI019 Number of alumni successfully became entrepreneurs	50.00	0.00	●	0		
PI020 Number of official partnership activities	120.00	196.00	●	160		
PI021 Number of IFT student entrepreneurs conducting business on campus during thematic period	387.00	1,210.00	●	100		
Number of companies, enterprises or business projects funded by start-up investors, venture investors, public funding entities, government agency grants and entrepreneurship related pitching competition prizes	1.00	1.00	●	100		
PI023 Number of collaborations with agencies, industry, NGOs, IFT (local and international)	1.00	1.00	●	100		

Rajah K4.3(d): Contoh Pencapaian PI bagi Tahun 2022

LAPORAN eRMS

EraH! | Post-Akademik | UTM News | UTM Cawangan Kelantan

No	Kampus	Jenis	Keterwujudan Risiko (Rendah, Sederhana, Tinggi)	Klasifikasi Risiko Induk	Risiko Sub-Risiko	Identifikasi Risiko	Identifikasi Penyebab	Identifikasi Pelaku	Identifikasi Waktu	Pengaruh	Lokasi Risiko	Bentuk	Ciri-Ciri	Tujuan	Maklumat Pengurusan Risiko	Tujuan
1	Camus	Business	Risiko Rendah	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi	Risiko Tinggi

Rajah K4.3(e): Contoh Laporan eRMS

DAFTAR RISIKO UTAMA 2022

PTJ BAHAGIAN/UNIT	TAHAP RISIKO RENDAH	TAHAP RISIKO SEDERHANA	TAHAP RISIKO TINGGI	TAHAP RISIKO EXTREM	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2022	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2021
Bahagian Pejabat Rektor					-	1 (selesai)
Unit Korporat					-	3 (selesai)
Unit Pengurusan Strategik			3		3	3
Unit Kualiti	1			1	1	
Masmed	2			2 (1 New)	3 (2 selesai)	
Unit Hal Ehwal Islam					-	3 (selesai)
Bahagian PJI	2	1		3	3	
Bahagian Pentadbiran	2	1		3	8 (5 selesai)	
Bahagian Hal Ehwal Akademik	1	3	5	4	13	5
Unit Peperiksaan			3		5	5 (selesai)

Rajah K4.3(f): Jumlah Daftar Risiko Utama 2022

KDHBUKTI 3_K4.3_Lampiran Contoh Data daripada Instrumen Pengukuran oleh UiTMKDH

Sistem Repozitori Aktiviti UiTM Cawangan Kedah			eXtvT
LOG KELUAR	LAMAN UTAMA	LAMAN CARIAN	Tentang Ditkom NORIANA MOHD NAJIB (P)
Tahun : <input type="button" value="2022"/> CARIAN			
SENARAI LAPORAN TAHUN 2022			
No.	NAMA PROGRAM	TARIKH PROGRAM	LAPORAN
1.	MEIUTM GO-GO AND KEMONDOK PENGETAHUAN DILAKUKAN DI KAMPUS UTM KEDAH PADA TARikh 20/05/2022	20/05/2022 - 21/05/2022	<input type="checkbox"/>
2.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT PRIMULAH PILAICRAN AKMC 2022	18/6/2022 - 18/6/2022	<input type="checkbox"/>
3.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT PENGETAHUAN FILAPCRAN AKMC 2022	30/6/2022 - 30/6/2022	<input type="checkbox"/>
4.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT KESAMAAN PANEL PENGETAHUAN DILAKUKAN AKMC 2022	18/7/2022 - 19/7/2022	<input type="checkbox"/>
5.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT IV AKMC 2022 BERNAKAL DI HAL YANG TEPAT	18/8/2022 - 19/8/2022	<input type="checkbox"/>
6.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT PENGETAHUAN PELAKUAN AKMC	30/8/2022 - 30/8/2022	<input type="checkbox"/>
7.	BENAKAL PEMERINTAHAN DRAFT PENGETAHUAN PELAKUAN AKMC	18/9/2022 - 18/9/2022	<input type="checkbox"/>
8.	BENAKAL PEMERINTAHAN AUTOR EXKA	28/9/2022 - 28/9/2022	<input type="checkbox"/>
9.	MINISIEL PEMERINTAHAN DOKAVERIFIED PRO EKSK 2022	17/10/2022 - 17/10/2022	<input type="checkbox"/>
10.	BENAKAL PEMERINTAHAN PENGETAHUAN DAN SEMAKAN PELAKUAN PROGRAMMING UTM REVIEW REPORT (PRR)	30/10/2022 - 4/11/2022	<input type="checkbox"/>
11.	BENAKAL PEMERINTAHAN PENGETAHUAN DOKUMEN (DA) (I)	8/11/2022 - 9/11/2022	<input type="checkbox"/>
12.	BENAKAL PENGOURUSAN ISKANDAR & DOKUMEN STI BILAN BOLA SAMPAF	9/11/2022	<input type="checkbox"/>
13.	BENAKAL PENGETAHUAN PELAKUAN ESKP KAMPUS SRI 17/2022	18/12/2022 - 18/12/2022	<input type="checkbox"/>
14.	BENAKAL PENGISYIKAN DAN PENCUCIAN LAPTOP FOR AKMC 2022	31/3/2022 - 31/3/2022	<input type="checkbox"/>
15.	BENAKAL SEMAKAN DAN PEMERINTAHAN POSISI PENGURUSAN DAN PREDIKSI OPERASI UTM CAWANGAN KEDAH	7/4/2022 - 8/4/2022	<input type="checkbox"/>
16.	BENAKAL SEMAKAN DAN PEMERINTAHAN LAPTOP FOR AKMC 2022	12/4/2022 - 13/4/2022	<input type="checkbox"/>
17.	DUKUAN R.D. INTI KAWASAN	16/4/2022 - 23/4/2022	<input type="checkbox"/>
18.	KODOS ULTRATE FREEBEE - CLASS OF DEC 2022	27/7/2022 - 27/7/2022	<input type="checkbox"/>
19.	LAUNCHING TULUM KAMPUS 3 KONSEP KEDAH 27/22	19/8/2022 - 19/8/2022	<input type="checkbox"/>
20.	LAUNCHING TULUM MAHASISWA UTM MELAKA 2022 (CARBON) VISION 2022	17/9/2022 - 17/9/2022	<input type="checkbox"/>
21.	LAUNCHING TOKAN KEMERDEKAAN UTM (SEKALIGUS 2022 UKURAN)	28/9/2022 - 5/10/2022	<input type="checkbox"/>

Rajah K4.3(g): Paparan Sistem eXtvT bagi Senarai dan Laporan Program/Aktiviti yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2022

GOOGLE FORM PELAPORAN PENCAPAIAN PI (COMPLETED PROJECT)	
https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSCfBmU34xQeWQDwX_8eOvCqzgkRjU <input checked="" type="checkbox"/> I'm not a robot	
PENGUMPULAN DATA PERFORMANCE INDICATOR (PI) UiTM CAWANGAN KEDAH 2022	
<small>PERAKT UNIT STRATEGIS DAN TRANSFORMASI UNIVERSITI UiTM CAWANGAN KEDAH MEMERLAKUKAN KERJASAMA TAHUAN PADA UNIT UNIT MEMERLAKUKAN MARILAH MARSHAL MERLUKUKAN KEPADA PERFORMANCE INDICATOR (PI) YANG TELAH DITETAPKAN TERIMA KASIH</small>	
<small>maisirah@utmk.edu.my (Maisirah)</small>	
<small>The system will automatically connect with your Google account and save responses. Learn more about how and submit this form. Only the first 100 responses are part of your responses.</small>	
<small>Required responses</small>	
Email *	<input type="text"/>
Your email	<input type="text"/>
Name *	<input type="text"/>
Your name	<input type="text"/>
<small>GOOGLE FORM PELAPORAN PENCAPAIAN SAP (PROJECT PROGRESS REPORT)</small>	
https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSCfBmU34xQeWQDwX_8eOvCqzgkRjU <input checked="" type="checkbox"/> I'm not a robot	
	
STRATEGIC ACTION PLAN (SAP) PROGRESS 2022	
<small>GOOGLE FORM INI DISEDIAKAN UNTUK MEMERLAKUKAN PROSES MENGAKUAKAN PERAKT UNIT STRATEGIS SAP PROGRESS MERLUKUKAN KEPADA PERFORMANCE INDICATOR (PI) YANG TELAH DITETAPKAH, TERIMA KASIH</small>	
<small>SAP 2022 - UiTM CAWANGAN KEDAH 16 SPECIAL PROJECTS 7 LEAD DIRECTOR 7 PROGRAM DIRECTOR 54 PROJECT MANAGERS</small>	
<small>You receive one project access code sent via Google account which corresponds to your account. You also receive this form, indicating the project you are part of your institution.</small>	
<small>16 Special Project 54 Project Manager</small>	
Email *	<input type="text"/>
Your email	<input type="text"/>

Rajah K4.3(h): Google Form yang Disediakan oleh Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) untuk Memantau dan Mengukur Pencapaian PI Kampus

KDHBUKTI 3_K4.3_Lampiran Contoh Data daripada Instrumen Pengukuran oleh UiTMKD

PEMBELAJARAN

4.4.1 Pemantauan

Nyatakan bagaimana hasil penganalisaan data digunakan untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan pilihan jabatan dengan perkongsian maklumat.

Setiap bahagian dan fakulti dikehendaki mengunjurkan perancangan strategik tahunan berdasarkan dengan Penunjuk Prestasi (PI) yang telah dikeluarkan oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) pada suku pertama 2022. PI berkenaan telah dipersetujui oleh pihak pengurusan tertinggi UiTMKDH.

Pihak fakulti dan bahagian perlu berbincang mengenai program yang bakal dilaksanakan dan mengenalpasti risiko yang ditempuhi. Seterusnya, pihak pengurusan tertinggi UiTMKDH dan penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) beserta wakil fakulti dan bahagian melakukan pembentangan dan meluluskan pembahagian PI. Oleh itu, pihak wakil fakulti dan bahagian perlu menguar-uarkan hasil dapatan PI yang perlu dilaksanakan.

Sepanjang tahun, proses pemantauan telah dijalankan oleh PSTU UiTMKDH dengan mengumpul maklumat dan memantau status PI pada setiap bulan. Hasil pemantauan peratusan pencapaian PI yang dilakukan setiap bulan ditunjukkan di dalam **KDHBUKTI 1_K4.4.1_Hasil Pemantauan Pencapaian PI**.

Hasil pemantauan telah digunakan untuk mengkaji semula pengurusan melalui pembentangan pencapaian bulanan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) yang dijalankan pada Januari, April, Ogos dan Disember oleh PSTU. PI yang tidak mencapai 50% sasaran apabila melepas suku kedua (Q2) telah diberi perhatian di dalam mesyuarat ini. Penambahbaikan terhadap perancangan tahunan juga telah dilakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (MKSP). MKSP ini telah dijalankan pada April dan November (Rujuk bukti **KDHBUKTI 2_K4.4.1_Lampiran Minit Mesyuarat dan Tarikh Mesyuarat Dijalankan**). PJI UiTMKDH juga telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk memantau prestasi bahagian untuk mencapai PI yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini dijalankan setiap tiga bulan sekali pada Mac, Jun, September dan Disember.

Di peringkat fakulti dan bahagian, semua pensyarah telah diingatkan dan berbincang mengenai PI yang telah dipersetujui dan perkara berbangkit mengenai penambahbaikan yang perlu dilakukan berdasarkan input dalam MPK dan mesyuarat PJI.

Penggunaan sistem secara bersepadu juga telah membantu pihak pengurusan tertinggi universiti memantau dan menganalisa semua data yang diterima bagi tujuan penambahbaikan (Rujuk bukti **KDHBUKTI 3_K4.4.1_Sistem yang Digunakan bagi Tujuan Penambahbaikan**).

LAMPIRAN BUKTI 4.4.1

Bulan	Pemantauan Pencapaian PI	
	Bulanan	Suku Tahunan
Januari	7.5%	21.2%
Februari	12%	
Mac	21.6%	
April	24.3%	50%
Mei	34.7%	
Jun	44.3%	
Julai	58%	76%
Ogos	66.3%	
September	77.7%	
Oktober	79%	84.6%
November	81.5%	
Disember	88%	

KDHBUKTI 1_K4.4.1_Hasil Pemantauan Pencapaian PI

MESYUARAT PENGURUSAN KANAN

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN KANAN
UITM CAWANGAN KEDAH
KE – 29 BIL. 32022

Tarikh	1 Ogos 2022 (Rabu)	Tempat	Bilik Mesyuarat Utama
Masa	9.00 pagi		
1	Prof. Madya Dr. Kamardin Othman	Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik) / Mengawal Tugas-Tugas Rektor	
2.	Dr Wan Ihsan Ismail	Timbalan Rektor (Pembudayaan & Janggungan Industri)	
3.	Prof. Madya Dr Azhar Md Hashim	Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)	
4.	Puan Normilaiza Che Mat	Timbalan Bendahari	
5.	Enok Mohammad Abdullah	Ketua Bahagian Pengurusan Persekitaran	
6.	Puan Azlina Khazim	Timbalan Ketua Pustakawan	
7.	Enok Hanim Nizam Othman	Timbalan Pencahart	
8.	Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Majed Ahmad	Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti	
9.	Dr. Yanti Aminah Amaria Mustapha	KPP Fakulti Pengurusan Permaisuri	
10.	Dr. Irina Marizah Salleh	KPP Fakulti Persekutuan	
11.	Dr Mohammad Samiuddin Sopian	KPP Fakulti Sains Pendidikan dan Pengajian Pahlawan	
12.	Puan Sri Roffiani Muhamad Dausom	KPP Fakulti Sains Komputer & Matematik	
13.	Dr Wan Nori Faizura Wan Odeh	KPP Fakulti Geomatik & Semawati	
14.	Dr. Mohd Zaidi Hamzah Mohamed Saafid	KPP Fakulti Pengurusan Maklumat	

Rajah K4.4.1(a) : Lampiran Minit Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)

MESYUARAT KAJI SEMULA PENGURUSAN

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah
Bil. 2/2022

Tarikh	16 November 2022 (Rabu)		
Masa	9.00 pagi		
Tempat	Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Cawangan Kedah		
BIL	Nama	Jawatan	
1	Prof. Dr. Roshma Haj Said	Rector	
2.	Prof. Madya Dr. Kamardin Othman	Timbalan Rektor HEA	
3.	Dr. Wan Ihsan Ismail	Timbalan Rektor HEP	
4.	Prof. Madya Ts. Dr. Azhar Md Hashim	Timbalan Rektor PJI	
5.	Enok Hanim Nizam Othman	Timbalan Pengaltiar	
6.	Cik Sarliza Sani	Timbalan Bendahari	
7.	Puan Azlina Khazim	Timbalan Ketua Pustakawan	
8.	Enok Hanim Nizam Othman	Ketua Bahagian Pengurusan Persekitaran Jurutera Kitaran	
9.	Prof. Madya Dr. Hj Abdul Majed Ahmad	Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti	
10.	Dr. Nor Azrina Mchd Yusof @ Ghani	Penyelaras UHEK	

Rajah K4.4.1(b) : Lampiran Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

KDHBUKTI 2_K4.4.1_Lampiran Minit Mesyuarat dan Tarikh Mesyuarat Dijalankan



Rajah K4.4.1(c) : Lampiran Minit Mesyuarat Jawantankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)

TAKWIM MESYUARAT PENGURUSAN UiTM CAWANGAN KEDAH 2022 BAHAGIAN PENTADBIRAN													
BIL.	MESYUARAT	JAN 2022	FEB 2022	MAC 2022	APR 2022	MAY 2022	JUN 2022	JULAI 2022	Ogos 2022	SEPT 2022	Okt 2022	NOV 2022	Dis 2022
1	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)												
2	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	19-Jan Rabu	9-Feb Rabu	9-Mac Rabu	13-Apr Rabu	11-Mei Rabu	8-Jun Rabu	6-Jul Rabu	10-Ogos Rabu	7-Sept Rabu	5-Okt Rabu	9-Nov Rabu	7-Dis Rabu
3	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Negeri (JPSMN)												
4	Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)	3-Jan Isnin			4-Apr Isnin				1-Ogos Isnin				5-Dis Isnin
5	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)				20-Apr Rabu							16-Nov Rabu	

Rajah K4.4.1(d) : Takwim Mesyuarat Pengurusan UiTM Cawangan Kedah 2022

KDHBUKTI 2_K4.4.1_Lampiran Minit Mesyuarat dan Tarikh Mesyuarat Dijalankan

Hasil analisa data		Penambahbaikan Prestasi	Perkongsian Maklumat
Sistem eXvt (Sistem Laporan Aktiviti Kampus)	Data digunakan bagi merekod dan memantau aktiviti/program yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan.	Data yang dikumpulkan lebih teratur dan lebih cepat dicapai.	Laporan Program
Sistem PRIME	Data digunakan bagi memantau maklumat penerbitan bagi Q1, Q2, Q3 dan Q4 dan menambah baik prestasi PI penerbitan UiTMKDH	Bengkel penulisan untuk semua pensyarah.	Mesyuarat MKSP
eRMS	Data digunakan untuk mengenal pasti tahap risiko dan impaknya terhadap kampus seterusnya merancang tindakan pengurusan dan pemantauan risiko.	Kawalan sedia ada dan cadangan kawalan tambahan	Mesyuarat Eksekutif

KDHBUKTI 3_K4.4.1_Sistem yang Digunakan bagi Tujuan Penambahbaikan

PEMBELAJARAN

4.4.2 Kenal Pasti Risiko

Nyatakan bagaimana hasil penganalisaan data digunakan untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan pilihan jabatan dengan perkongsian maklumat.

UiTMKDH mengenalpasti risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan melalui dua kaedah iaitu risiko program dan risiko operasi. Proses pertama adalah risiko program yang dijalankan melalui PSTU UiTMKDH. Penyelaras memohon pihak fakulti dan setiap bahagian menyenaraikan risiko yang bakal ditempuh. Fakulti dan bahagian/unit menentukan keberangkalian risiko yang akan berlaku, magnitud kesan dan pelan mitigasi dalam menghadapi risiko. Proses kedua adalah risiko operasi. Ia dijalankan oleh Penyelaras Pengurusan Risiko dan Bahagian Pentadbiran UiTMKDH. Penyelaras telah memohon input dari setiap bahagian untuk mengemukakan senarai risiko yang bakal dihadapi pada 2022 dan memasukkan ke dalam sistem eRMS.

Terdapat **beberapa pencegahan risiko telah berjaya dilakukan oleh UiTMKDH**. Bagi risiko program, UiTMKDH telah berjaya menentukan risiko yang bakal dihadapi dan juga merangka langkah pencegahan. Ia dapat dilihat melalui pencapaian sasaran melebihi 100%. Bahagian PJI telah berjaya mencapai target yang memberangsangkan bagi PI79 dan PI77. Kedua-dua PI tersebut mencapai 2,000% dan 409.51% pencapaian pada tahun 2022. Untuk PI79, pelan mitigasi yang telah dicadangkan adalah memahami keperluan komuniti setempat untuk mengenalpasti kumpulan sasaran dan meneruskan proses penyampai pengetahuan melalui perkongsian video. Untuk PI77, program yang telah dijalankan adalah 1 asnaf 1 laptop dan program alumni prihatin. Pelan mitigasi yang dicadangkan adalah melakukan usaha berterusan dalam meningkatkan dan meneroka jaringan kerjasama dengan rakan kerjasama dan juga melakukan usaha berterusan dalam mendekati alumni atau syarikat untuk menaja program.

Selain itu, bahagian MASMED telah mencapai sasaran yang cemerlang bagi PI2I apabila mereka mencapai target sebanyak 312.66%. Pelan mitigasi yang telah dirancang adalah dengan memberi galakan kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan secara maya dan e-dagang. Pencegahan risiko yang telah dijalankan ini berjaya menjadikan Bendahari UiTMKDH berjaya mencapai PI120e sebanyak 239.14% dengan jumlah penjanaan berjumlah RM239,141.70 (Rujuk bukti **KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100%**).

Bagi risiko operasi, terdapat penurunan daftar risiko jika dibandingkan pada tahun sebelumnya iaitu 73 yang didaftar pada tahun 2021 kepada 61 pada tahun 2022. Untuk bidang tumpuan, hanya 3 risiko yang didaftarkan dan 2 daftar merupakan daftar baharu (**KDHBUKTI 2_K4.4.2_Laporan Risiko Pada Tahun 2022**).

LAMPIRAN BUKTI 4.4.2


PEMILIK	PI	NAMA PI	% PENCAPAIAN 2022	PENERANGAN RISIKO	PELAN MITIGASI	KEBERANGKALIAN BERLAKU	MAGNITUD IMPAK	LEVEL RISIKO	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	NAMA PROJEK YANG DIALANKAN
RMU	61	Number of principal investigators (PI) for research grants: National funded.	105.26%	Failure to obtain cooperation and collaboration with potential strategic partners will affect	Continuous efforts to enhance and explore networking with potential partners	Very Low (1)	Minor (2)	Low	Dr Nor Zaini Zainal Abidin	1. MoA with Mindanao State University Iligan Institute of Technology 2. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 1) Non S&T 3. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 2) Non S&T 4. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 3) Non S&T 5. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 4) Non S&T 6. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 5) S&T 7. Matching grant Dana Khas 2022 - International Univ (Project 6) S&T
	63	Number of principal investigators (PI) for research grants: International funded.	250.00%	Failure to obtain cooperation and collaboration with potential strategic partners will affect	Continuous efforts to enhance and explore networking with potential partners	Very Low (1)	Minor (2)	Low	Dr Nor Zaini Zainal Abidin	1. MOA with University of Social Sciences and Humanities,Vietnam National University 2. MoA with Mindanao State University Iligan Institute of Technology 3. Strategic Research Partnership with UNISBA
	79	Number of communities receiving/benefiting from the knowledge/technology diffusion projects.	2000.00%	1. Failure to meet the need of the job market 3. Internet connection sometimes will cause the interruption and flow of the virtual program	1. to understand the need in order to address 2. Continuous transfer the knowledge through video sharing	1. Very Low (1) 2. Very high (3) 3. Very Low (1)	1. Minor (2) 2. Minor (2) 3. Minor (2)	1. Low 2. Low 3. Low	1. Dr Ida Normaya 2. Dr Yanti Aspha Amelra Mustapha / Dr Azfaahanee Zakaria 3. Dr Faryna Mohd Khalis	1. Research Project On: i. Alumni (Graduate Employability) ii. CS110 Student Intake 2. CSR (CSR awareness programme under MGT538) 3. Knowledge Transfer through Virtual Artwork sharing session from Comic Toshiba
	74	Number of activities under MoA/ MoU with International Industries.	125.00%	1. To get more audience in this pandemic situation is quite challenging	1. Continuous efforts to enhance and explore networking with potential partners	1. Very low (1) 2. Medium (3)	1. Minor (2) 2. Moderate (3)	1. Low 2.	1. Dr Faryna Mohd Khalis 2. Mohd shafiz Sherafan	1. Toshiba grant (2 program initiate with this PI) Dr Faryna i. PROGRAM UIITM-TOSHIBA COMIC PROJECT EXHIBITION 2022 ii. Knowledge Transfer through Virtual Artwork sharing session from Comic Toshiba 2. Nestle (2 program initiate with this PI) Shafiz i. To provide training on halal and the operation of Nescafe Hub.

KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100

										ii. Provide the students a hub for them to run Nescafe Hub and having hands on training on the operation, financial and marketing.
	77	Total amount received (from external) for USR and KTP programmes	495.12%	1. Failure To Obtain Collaboration For This Program 2. Failure To Obtain Collaboration For This Program	1. Continuous Efforts To Enhance And Explore Networking With Potential Partners. 2. Continuous Efforts To Approach ALUMNI Or Companies To Sponsor The Event.	Very Low (1)	Very Low (1)	1. Failure To Obtain Collaboration For This Program 2. Failure To Obtain Collaboration For This Program	1. Dr Wan Ihami Ishak 2. PM Ts Dr Azhar Md Hashim	1. 1 Asnaf 1 Laptop 2. PROGRAM ALUMNI PRIHATIN "KELANGSUNGAN PENGAJIAN MAHASISWA"
MASMED	21	Number of IPT student entrepreneurs conducting business on campus during their study period.	312.66%	Low students involvement in business during pandemic	Encouraging online business/e-commerce	Medium (3)	Moderate (3)	Moderate (3)	Mohd Shafiz Saharan	MASMED Incubator Siswa Entrepreneur Programme
	26	The number of students involved in IPT's Innovation and Technology-based programmes	247.50%	low students involvement in business during pandemic	Encouraging online business/e-commerce	Medium (3)	Moderate (3)	Moderate (3)	Low (4)	Design Skills: SOCMED Advertisement

KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100

Jumlah Risiko yang Didaftar bagi Tahun 2021 dan 2022



Rajah K4.4.2(a) : Laporan Risiko yang Didaftarkan bagi Tahun 2021 dan 2022.



Rajah K4.4.2(b) : Jumlah Risiko yang Didaftarkan Pada Tahun 2022.

Jadual K4.4.2(b) : Pecahan Kategori Risiko yang Didaftarkan Pada Tahun 2022

PTJ BAHAGIAN/ UNIT	TAHAP RISIKO RENDAH	TAHAP RISIKO SEDERHANA	TAHAP RISIKO TINGGI	TAHAP RISIKO EKSTREM	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2022	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2021
Bidang tumpuan	2	0	1	0	3 (1 baru)	11 (9 selesai)
Bukan bidang tumpuan	12	24	17	5	58	62
Jumlah	14	24	18	5	61	73

Jadual K4.4.2 (c) : Maklumat Daftar Risiko bagi Pemilik Risiko Bidang Tumpuan

Pemilik Risiko	Keterangan Risiko	Tahap Risiko	Impak Risiko	Kaedah Kawalan & Tindakan Pencegahan
PJI	RISIKO DARI 2021: Jumlah geran penyelidikan yang diperolehi tidak mencapai PI kampus akibat beberapa punca: 1. Permohonan yang sedikit (kurang pendedahan/ penyelidik yang berminat) 2. Sukar memenuhi syarat kelayakan geran (persaingan)	Tinggi	7.2	Memperuntukkan geran penyelidikan daripada Geran Dalaman Negeri (GDN) di peringkat kampus. Permohonan peruntukan geran daripada agensi kerajaan. Perbanyakkan bengkel penulisan/ Tips permohonan Geran/ Mentor Mente dan lain-lain
MASMED	RISIKO YANG BARU DIDAFTARKAN: Risiko: Tiada bayaran dibuat oleh pelajar selepas mengambil makanan/minuman di Kiosk Layan Diri Masmed. Punca: i.Tiada pemantauan di buat. Kiosk tidak diletakkan di lokasi yang sesuai. Impak: Kerugian kepada pelajar yang berniaga.	Rendah	3	Meletakkan tanggungjawab memastikan keselamatan kiosk kepada pihak Jawatankuasa Kolej (pelajar)
MASMED	RISIKO DARI 2021: Risiko: Penyediaan makanan/ minuman yang tidak mengikut prosedur yang betul oleh pelajar Punca: i.Penyediakan makanan dilakukan di tempat lain dan tidak dapat dipantau. ii. Pencemaran berlaku sertama mengendalikan makanan dan minuman. Perkara ini merangkumi kebersihan makanan dan minuman, ruang perniagaan dan peralatan memasak. iii. Kebersihan peniaga ketika menyediakan makanan (cuci tangan/ sarung tangan) Impak: i. Keracunan makanan ii. Tindakan liabiliti awam iii. Tindakan oleh Jabatan Kesihatan	Rendah	2	i. Kursus penyediaan dan pengedalian makanan kepada pelajar. ii. Mewajibkan suntikan Typhoid

PEMBELAJARAN

4.4.3 Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan

Nyatakan bagaimana jabatan menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (MKSP) telah dijalankan dua kali setahun iaitu pada bulan April dan November 2022. Pencapaian objektif kualiti dibincangkan dan cadangan penambahbaikan diutarakan. Hasil daripada pemantauan ini, Pengarah Program dan Pengarah Projek yang berkenaan diminta untuk membuat tindakan susulan agar inisiatif strategik yang telah dirancang dilaksanakan secepat mungkin.

Tindakan daripada hasil penganalisaan yang diambil dikongsikan kepada warga kampus. PSTU UiTMKDH juga telah mengambil inisiatif dengan menghantar e-mel rasmi kepada semua warga kampus tentang kedudukan semasa PI kampus untuk tindakan (Rujuk bukti **KDHBUKTI 1_K4.4.3_Contoh Hebah Status Semasa PI kepada Warga Kampus**).

Selain itu, Bahagian MASMED juga telah membuat hebah menggunakan e-banner melalui laman sesawang rasmi UiTMKDH. E-banner ini bertujuan untuk membuat hebah mengenai program keusahawanan yang dijalankan (Rujuk bukti **KDHBUKTI 2_K4.4.3_Contoh e-Banner Hebah Program MASMED**).

Selain itu, Bahagian PJI dan ICAN telah melantik sekurang-kurangnya 2 orang ketua pengurusan untuk setiap fakulti. Wakil fakulti ini telah diberikan tanggung jawab untuk mengemaskini dan menghebahkan sebarang aktiviti dan pencapaian bahagian masing-masing. Wakil pengurusan fakulti tersebut perlu menghadiri mesyuarat bahagian untuk menyusun atur strategi dalam mencapai PI yang telah dirancang (Rujuk bukti **KDHBUKTI 3_K4.4.3_Contoh Surat Pelantikan Ketua Pengurusan ICAN Fakulti**).

Peranan Ketua Pusat Pengajian (KPP) juga tidak dikecualikan. KPP juga memantau keadaan semasa dan membentangkan atau berkongsi sebarang maklumat yang terkini dalam mesyuarat fakulti. Aplikasi WhatsApp digunakan untuk aktiviti penyebaran maklumat kerana aplikasi ini merupakan medium yang sesuai dan digunakan oleh semua warga kampus (Rujuk bukti **KDHBUKTI 4_K4.4.3_Contoh Hebah yang Dilakukan di Peringkat Fakulti**).

LAMPIRAN BUKTI 4.4.3



KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100



KDHBUKTI 2_K4.4.3_Contoh e-Banner Hebatan Program MASMED



Ruj. Kami : 500-UITMKD(HEA.23/4)
Tarikh : 25 September 2022

 **Buan Shahida Farhan Zakaria**
Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Komputer Dan Matematik
UiTM Cawangan Kedah

أَللَّهُمَّ إِنِّي عَلَيْكَ ذُرْحَةٌ دُرْجَةٌ

Puan

PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PENGURUSAN INDUSTRY, COMMUNITY AND ALUMNI NETWORK (ICAN) FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK, UiTM CAWANGAN KEDAH

Berhubung dengan perkara di atas, suacita dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Ketua Pengurusan *Industry, Community And Alumni Network (ICAN)* Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah mulai 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2024.

2. Sehubungan itu, puan adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut :

- i. Mendapatkan maklumat program khidmat masyarakat dan alumni yang dijalankan oleh setiap pensyarah fakulti.
- ii. Memberi laporan dan maklum balas kepada Ketua Fakulti berkaitan pelaksanaan aktiviti jaringan industri dan masyarakat di fakulti.
- iii. Mengumpul maklumat/data Alumni fakulti.
- iv. Membantu menyelaras dan menyimpan rekod program khidmat masyarakat di fakulti.

3. Semoga dengan pelantikan ini, puan dapat memberikan sumbangan dan perkhidmatan yang terbaik demi kecemerlangan pelajar dan Universiti.


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MELONJAK KECEMERLANGAN UiTM CAWANGAN KEDAH"

Yang benar,

PROF. MADYA DR. KAMARUDIN OTHMAN
Timbalan Rektor (Akademik)

s.k. 1. Rektor
2. Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Sains Komputer Dan Matematik



KDHBUKTI 4_K4.4.3_Contoh Hebahan yang Dilakukan di Peringkat Fakulti

4.5 INTEGRASI

Nyatakan bagaimana hasil penganalisaan data digunakan untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi.

Bagi memudahkan pengukuran pencapaian PI, proses pengumpulan data dan proses pengukuran data, UiTMKDH telah mengambil inisiatif membangunkan sistem eXtv. Sistem eXtv adalah satu inovasi yang dibangunkan pada 2018 untuk mengumpulkan data laporan setiap program yang dijalankan di UiTMKDH. Sistem ini digunakan oleh warga UiTMKDH di mana semua ketua projek dikehendaki untuk memuat naik laporan program selepas aktiviti dijalankan. Sistem ini adalah lebih mesra pengguna untuk digunakan di mana pengumpulan data adalah lebih sistematik dan teratur serta masa untuk mendapatkan laporan program adalah lebih cepat jika dibandingkan pengumpulan data secara manual. UiTMKDH juga telah memaksimumkan penggunaan email rasmi dan Whatsapp Groups untuk menerapkan budaya kemaskini data dan hebahan maklumat secara berkala. Medium ini digunakan sebagai peringatan kepada semua warga untuk mencapai PI kampus dan juga pencapaian-pencapaian lain. Selain itu, UiTMKDH juga menerapkan budaya pengumpulan dan pengukuran data dengan menerbitkan laporan tahunan seperti @Kedah, Buletin Galeri Seni Merbok, Laporan Tahunan FSKM dan Accounting Bulletin secara digital. Laporan tahunan secara digital ini dibudayakan bagi membolehkan pihak luar mendapatkan maklumat terkini UiTMKDH (Rujuk bukti **KDHBUKTI 1_K4.5_Antara Amalan Pembudayaan UiTMKDH**).

Media sosial adalah instrumen sangat penting untuk menyalurkan maklumat terkini disamping menjadi repositori kepada sumber maklumat. UiTMKDH telah menggunakan facebook rasmi, Klik Kedah, media tempatan mahupun antarabangsa dan lain-lain instrumen untuk berkongsi maklumat terkini, perkembangan dan pencapaian UiTMKDH kepada warga UiTM dan juga pihak luar.

Secara kesimpulannya, data-data yang diperoleh melalui instrumen pengukuran telah menjadikan UiTMKDH komited dalam melaksanakan pelbagai penambahbaikan bagi membangunkan dan memastikan pencapaian yang cemerlang dapat diberikan terhadap bidang tumpuan. Penambahbaikan ini seterusnya dilaksanakan secara berterusan sehingga terhasilnya pencapaian yang lebih baik untuk bidang tumpuan pada masa kini dan masa akan datang.

LAMPIRAN BUKTI 4.5

SISTEM	PRESTASI SEBELUM	PENAMBAHBAIKAN	PERLUASAN PELAKSANAAN
eXtv (Sistem Repozitori Aktiviti)	Pengumpulan data aktiviti adalah secara manual dan memakan masa	Pengumpulan data adalah lebih teratur dan menjimatkan masa. Akses lebih mesra pengguna	UiTMKDH
Laporan Tahunan (@Kedah, Buletin Galeri Seni Merbok, Laporan Tahunan FSKM)	Maklumat dan pencapaian UiTMKDH dihebahkan untuk warga kampus. Laporan tahunan dicetak dan dibukukan.	Maklumat dan pencapaian boleh diakses oleh pihak luar. Laporan tahunan diterbitkan dalam bentuk digital	Pihak Luar

KDHBUKTI 1_K4.5_Antara Amalan Pembudayaan UiTMKDH



KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

MUSDIANA MOHAMAD SALLEH
DR. SITI NUR ALWANI SALLEH
KHAIRUL WANIS AHMAD



KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF (tidak melebihi 500 patah perkataan)*

Ringkasan eksekutif haruslah menekan kepada menerangkan perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act).

Staf (akademik dan pentadbiran) merupakan sumber manusia (SM) yang utama di UiTMKDH dan sebagai penggerak organisasi yang menjadi elemen penting dalam membantu UiTMKDH mencapai matlamat yang telah dirancang. **Perancangan (Plan)** SM di UiTMKDH dibuat secara sistematik bagi memastikan penggunaan kepakaran yang optimum dan holistik. UiTMKDH juga sentiasa memberikan penekanan terhadap penglibatan SM dalam bidang tumpuan dengan tema '**UiTM Cawangan Kedah Membudayakan Aktiviti Keusahawanan**'. Aspirasi ini telah dikongsikan oleh pihak pengurusan kepada semua warga UiTMKDH. Sebagai sebuah universiti yang komprehensif, UiTMKDH juga tidak ketinggalan dalam aktiviti penyelidikan dimana pelbagai inovasi telah terhasil dalam bentuk karya penerbitan, geran penyelidikan serta kerjasama dengan agensi dan universiti luar melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU).

UiTMKDH menggalakkan penglibatan semua staf dalam menjayakan program-program bidang tumpuan yang telah dirancang. Secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti kerja dan kreativit mereka. Dalam proses **pelaksanaan (Do)** projek, UiTMKDH sentiasa memastikan semua kemahiran dan kepakaran yang ada digunakan secara berkesan dan diagihkan dengan teratur bagi memastikan tiada pembaziran berlaku. SM yang berkemahiran, berpengetahuan dan mempunyai kelayakan daripada badan-badan profesional dijadikan sebagai pakar rujuk, fasilitator atau penceramah untuk aktiviti perundingan. Manakala, SM yang mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan dipilih sebagai penasihat yang berkaitan dengan keusahawanan.

Kecemerlangan sesebuah organisasi amat bergantung kepada kecemerlangan SM dalam menambah baik dan memantapkan kompetensi diri. UiTMKDH sentiasa menyediakan peluang latihan kepada SM dengan menganjurkan bengkel, seminar dan menghantar penyertaan untuk latihan yang dianjurkan oleh pihak luar supaya seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Pemantauan terhadap keberkesanannya latihan juga dijalankan bagi memastikan SM mendapat latihan yang sepatutnya, mengelakkan daripada berlakunya pembaziran peruntukan kewangan serta sebagai input untuk perancangan latihan masa hadapan. UiTMKDH juga melaksanakan penilaian potensi dan prestasi bagi mengukur tahap pencapaian prestasi dalam melaksanakan tugas kerana ianya merupakan sumbangan kepada UiTMKDH. **Pemantauan (Check)** prestasi ini dijalankan bagi memastikan prestasi SM sentiasa berada pada tahap yang sepatutnya. Pemantauan ini juga dibuat untuk melihat tahap motivasi serta menjaga kebijakan SM UiTMKDH.

UiTMKDH juga menyediakan pelbagai platform bagi memudahkan SM memberikan maklum balas kepada pihak pengurusan. Platform maklum balas ini bukan sahaja untuk maklum balas perkhidmatan dan fasiliti, malah terdapat juga platform untuk cadangan, aduan, makluman dan pertanyaan. Platform maklum balas secara dalam talian merupakan kaedah yang paling digemari oleh SM di UiTMKDH kerana ianya mudah dicapai dan respon kepada maklum balas juga lebih cepat diterima. Maklum balas yang diterima akan diteliti oleh pihak pengurusan UiTMKDH dengan sebaiknya. Sekiranya maklum balas perlu kepada tindakan selanjutnya, siasatan akan dilakukan dan **tindakan penambahbaikan** (Act) akan dilaksanakan. **Budaya komunikasi secara terbuka**, telus dan saling hormat menghormati antara satu sama lain turut diamalkan dalam usaha untuk membuka ruang kepada penambahbaikan secara berterusan.

UiTMKDH **membudayakan pengiktirafan** kepada setiap kerja keras dan sumbangan SM. Budaya hebahan kejayaan melalui e-mel, laman sesawang dan platform media sosial rasmi dibuat bagi menggambarkan penghargaan tersebut serta sebagai ketampakkan kejayaan. Pelbagai majlis meraikan kejayaan staf dan pelajar diadakan sepanjang tahun bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan. Selain pengiktirafan dalaman, pengurusan juga memberi sokongan dalam pengiktirafan yang diterima oleh SM daripada pihak luar.

5.2 PENDEKATAN

Nyatakan kaedah pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan.

UiTMKDH mempunyai sumber manusia (SM) seramai 544 orang yang diklasifikasikan kepada staf akademik (302) dan staf pentadbiran (242). Bagi menjayakan bidang tumpuan, seluruh staf memainkan peranan penting dalam proses perancangan, mengurus, mengendalikan serta memantau aktiviti jaringan industri dan keusahawanan. Kaedah pengurusan SM UiTMKDH boleh dirujuk melalui Rajah K5.2(b). PJIM&A dan MASMED merupakan tunjang utama menggerakkan aspirasi bidang tumpuan UiTMKDH. Setiap program yang dicadangkan disemak dengan teliti bagi memastikan program dilaksanakan memberikan impak positif. Bagi memastikan setiap matlamat tercapai, pengurusan membuat pengkhususan bidang tugas, iaitu program jaringan industri diletakkan di bawah ICAN, manakala, program keusahawanan di bawah MASMED. Kedua-dua unit berperanan dalam merancang, menganjur dan memantau aktiviti (**KDHBUKTI 1_K5.2_Pendekatan Pengurusan Sumber Manusia UiTMKDH**).

KDHBUKTI 3_K5.4.1_ Analisa Aduan FMS 2022

PEMBELAJARAN

5.4.2 Kenal Pasti Risiko

Nyatakan bagaimana pengurusan risiko dilaksanakan dalam pengurusan sumber manusia.

Berdasarkan Panduan Pengurusan Risiko UiTM, impak risiko kepada manusia merujuk kepada tahap kecederaan atau produktiviti PTJ. Mengenal pasti risiko amat penting bagi memastikan UiTMKDH sentiasa bersedia dalam menghadapi ancaman dan cabaran yang mungkin memberikan kesan kepada pencapaian objektif kampus. UiTMKDH mempunyai 3 jawatankuasa yang menguruskan risiko iaitu JOBN, JKKPN dan JPR. Jawatankuasa ini mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri dalam mengkoordinasi fungsi agar proses mengenal pasti dan mengawal risiko dapat dilakukan secara berkesan (**KDHBUKTI 1_K5.4.2_Keahlian Jawatankuasa**). JOBN bertanggungjawab merencana program dan tindakan bagi mengatasi bencana. JKKPN berfungsi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja tercapai mengikut polisi keselamatan dan kesihatan pekerja UiTM serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Tugas JPR pula adalah memastikan setiap PTJ mengemaskini daftar risiko dari semasa ke semasa (**KDHBUKTI 2_K5.4.2_Laporan JPR 2022**).

Terdapat beberapa risiko berkaitan bidang tumpuan yang telah dikenal pasti. Pertama adalah risiko pengambilan dan pengekalan SM. Impak bagi risiko pengambilan adalah program tidak dapat dijalankan kerana SM tidak mencukupi. Impak bagi risiko pengekalan adalah kekurangan SM yang mahir serta berpengalaman dan risiko ini menyumbang kepada peningkatan kos program kerana SM yang baharu perlu dihantar untuk menghadiri latihan. Antara langkah pencegahan yang diambil adalah membuat tapisan permohonan dengan menyemak latar belakang SM yang memohon. Langkah lain adalah meminta SM yang mempunyai kursus akademik yang berkaitan untuk mengendalikan program dan ianya dimasukkan sebagai aktiviti kursus tersebut.

Risiko seterusnya adalah berkaitan latihan dan pembangunan SM. Risikonya adalah kekangan peruntukan. Langkah pencegahan yang diambil adalah dengan menyediakan latihan secara dalaman. Penggunaan fasiliti kampus dan melantik staf UiTMKDH yang mahir dan berpengalaman sebagai tenaga pengajar dapat mengurangkan kos latihan dan pembangunan SM (**KDHBUKTI 3_K5.4.2_Jadual Senarai Risiko**).

SOP iaitu arahan kerja dan garis panduan berkenaan sesuatu tugas juga diwujudkan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan salah faham dan kegagalan mengikut peraturan yang telah disenaraikan. SOP ini menjadi rujukan SM untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Ia juga dijadikan sebagai panduan keselamatan (**KDHBUKTI 4_K5.4.2_SOP**).

Pematuhan kepada SOP dipantau dari semasa ke semasa kerana terdapatnya pertukaran SM mengikut program. Terdapat SM yang dilantik untuk melaksanakan tugas pemantauan bagi memastikan SOP ini dipatuhi bagi mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku (**KDHBUKTI 5_K5.4.2_Lantikan Pemantau**).

LAMPIRAN BUKTI 5.4.2

AHLI JAWATANKUASA OPERASI BENCANA NEGERI/ KEDAH (JOBN)

JAWATAN	NAMA	NO.TEL / EMAIL
PENGURUSI	PROFESOR DR MOHAMAD ABDULLAH HEMDI	04-4562222 / moham984@uitm.edu.my
TIMBALAN PENGURUSI	HAIRUL NIZAM OTHMAN	04-4562288 / hairul772@uitm.edu.my
AHLI	1. DR. WAN IRHAM ISHAK 2. DR. KAMARUDIN OTHMAN 3. PROFESOR MADYA TS. DR. AZHARI MD HASHIM 4. NORHAFIZAH CHE MAT 5. MOHAMAD ABDULLAH 6. Dr. AMIRUL HAFIZIE MOHD SUHAIMI 7. AZIZAH KHASIM 8. SITI FAIRUZA HASSAM 9. SITI ASLINA SABRI 10. ZAHIRIZAL MISKOM 11. NOR ANANIZA AZHAR 12. NURUL A'IN MOHAMED 13. MHD KHIR MHD REJAB 14. MOHAMAD FIRDAUS JOHARI 15. YAZWANI MOHD YAZID	04-4562255/wanirham787@uitm.edu.my 04-4562233/kbo176617@uitm.edu.my 04-4562090/azhari033@uitm.edu.my 04-4562299/norhafizah@uitm.edu.my 04-4562001/mohamad9592@uitm.edu.my 04-4562308 04-4562226/aziza655@uitm.edu.my 04-4562170/fairuza@uitm.edu.my 04-4562038/aslina@uitm.edu.my 04-4562258/zahirizal@uitm.edu.my 04-4562086/norana0884@uitm.edu.my 04-4562114/nurulain@uitm.edu.my 04-4562282mhdkhir@uitm.edu.my 04-4562041/firdausjohari@uitm.edu.my 04-4562247/yazwani699@uitm.edu.my
SETIAUSAHA (POB)	ADLY ALBAKHRI ISMAIL	04-4562030/adlya034@uitm.edu.my
SEKRETARIAT	1. AFZANIZAN TALIB 2. MUZZALEENA MUSA	04-4562028/afzanizan@uitm.edu.my 04-4562221/zaleena721@uitm.edu.my

Rajah K5.4.2(a): Senarai Ahli Jawatankuasa JOBN UiTMKDH 2022

KDHBUKTI 1_K5.4.2_ Keahlian Jawatankuasa

Senarai Nama dan Wakil Jawatankuasa Pengurusan Risiko (PTJ) UiTM Cawangan Kedah 2021/2022

Bahagian/ Unit	Ketua PTJ	Wakil PTJ
Pejabat Rektor (Unit Korporat/ Masmed/Strategik/ Kualiti/ dll)	Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi	1. Mohd Firdaus Bin Ruslan - Masmed 2. Muzzaleena Musa 3. Prof. Madya Dr Abdul Majeed Hj Ahmad - UPS 4. Dr Junaida Ismail- Unit Kualiti 5.-Nor Ananiza Azhar – Unit Komunikasi & Korporat
Pentadbiran	Hairul Nizam Othman	Siti Aslina Sabri
Hal Ehwal Akademik	Dr. Kamarudin Othman	Irsalina Ismail
Unit Peperiksaan	Siti Zubaidah Romli	Reza Irwan Othman
Hal Ehwal Pelajar (Sukan/Asrama/dll)	Dr Wan Irham Ishak	1. Cik Nooraini Khasni 2. Noor Azizah Zainon
PJI	Azhari Md Hashim (Associate Professor Ts. Dr.)	Siti Natasha Mohd Yatim
Fasiliti	Mohamad Bin Abdullah	1. Mohamad Hafis Ramli 2. Md Zainizam Ngadiman 3. Mohd Nasri Idrus 4. Rozinazar Ahmad
Infostruktur	Nurul A'in Mohamed	1. Khairul Wanis Ahmad 2. Irman Che Azmy
Bendahari	Norhafizah Bt Che Mat	1. Nor Wahida Zainudin 2. Nor Izatul Abdul Rani
Perpustakaan	Azizah Khasim	1. Muzammil Bin Mohd Mustaffa 2. Mohd Rostam Bin Mohamad @ Ahmad
Polis Bantuan	Adly Albakhri Bin Ismail	1. Afzanizan Bin Talib 2. Mohamad Shamri Bin Mohd Nor
Unit Kesihatan	Muhammad Syahidi bin Serbini- Penolong Pegawai Perubatan	1. Siti Khairul Niza Sukri - Penolong Pegawai Farmasi
Unit Kolej	Zahirizal bin miskom	Mahafizah Ahmad Shapawi
Unit Sukan	Mohd Yazli Yahya	Fahizan Azizan

PENYELARAS JWK PENGURUSAN RISIKO: SITI FAIRUZA HASSAM

Rajah K5.4.2(b): Senarai Ahli Jawatankuasa JPR UiTMKDH 2021/2022

KDHBUKTI 1_K5.4.2_ Keahlian Jawatankuasa

REF ID: KAHM 100-PPI(BKKPN)TM 9/104

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infrastruktur Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 5544 8063 / 2249/2285 / 2501 / 2285 2249/4444 / 5521 1667 Email : bkkpn@uitm.edu.my
BORANG KEMASKINI MAKLUMAT

No. Rujukan Tuan : 100-PPI(BKKPN)TM 9/104
 No. Rujukan Kami :
 Tarikh : 24/ 1/ 2022

KETUA

Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infrastruktur
 Aras 1, Bangunan Kompleks, PPII
 Universiti Teknologi MARA
 40450 Shah Alam

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGERI

UITM CAWANGAN KEDAH

JAWATAN	NAMA	NO TEL / EMAIL
PENGERUSI	Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hamdi (Rektor)	04-456 2222
PENGERUSI Ganti	Dr. Wan Iriham Ishak (T. Rektor HEP)	04-456 2255
AHLI (Wakil Majikan)	1. PM Dr Kamarudin Othman 2. Hairul Nizam Othman 3. PM TS Dr Azhari Md Hashim 4. Norhaliza Che Mat 5. Azizah Khasim 6. Mohamad Abdullah 7. Nurul A'in Mohamed 8. Adly Albakri Ismail 9. Zahrizal Miskom	04-456 2233 04-456 2288 04-456 2090 04-456 2298 04-456 2226 04-456 2001 04-456 2114 04-456 2030 04-456 2258
AHLI (Wakil Pekerja)	1. Siti Aslina Sabri 2. Irsalina Ismail 3. Siti Natasha Mohd Yatim 4. Muhd Zaidi Majid 5. Muzammil Mohd Mustaffa 6. Rozinazar Ahmad 7. Muhd Hazwan Hamdi Halim 8. Afzanizan Talib 9. Mahafizah Ahamad Shapawi 10. Fahizan Azizan	04-456 2382 04-456 2059 04-456 2093 04-456 2068 04-456 2228 04-456 2007 04-456 2109 04-456 2028 04-456 2594 04-456 2082
SETIAUSAHA	1. Muhammad Syahidi Serbini 2. Mohamad Hafis Ramli	011-5569 9342/ syahidi@uitm.edu.my 012-401 0503/ hafis047@uitm.edu.my

**Nota :-

- 1) Pelantikan ahli adalah di bawah tanggungjawab Pengurus KKP di PTJ masing-masing;
- 2) Mohon kerjasama PTJ untuk maklumkan kapada Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, PPII (bkkpn@uitm.edu.my) sekiranya beraku sebarang pertukaran Ahli Jawatankuasa tersebut di atas terutamanya Setiausaha yang telah disahkan oleh Pengurus di PTJ masing-masing;
- 3) Sila gunakan lampiran sekiranya ruangan untuk mengisi nama tidak mencukupi.

Tandatangan & Cop rasmi

Rektor/ Dekan/ Pengarah/ Ketua

Tarikh: 25-1-2022.

PROF DR. ILI MUHAMAD ABDULLAH BIN RU HENDRI
 REKTOR
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
 CAWANGAN KEDAH

Rajah K5.4.2(c) : Senarai Ahli Jawatankuasa JKKNP UiTMKDH 2022

KDHBUKTI 1_K5.4.2_ Keahlian Jawatankuasa



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani



LAPORAN JUMLAH DAFTAR RISIKO UiTM CAWANGAN KEDAH

JAWATANKUASA PEMILIK RISIKO (JPR)

TAHUN 2022

Kemaskini pada 3 Disember 2022

DAFTAR RISIKO UTAMA 2022

PTJ BAHAGIAN/ UNIT	TAHAP RISIKO RENDAH	TAHAP RISIKO SEDERHANA	TAHAP RISIKO TINGGI	TAHAP RISIKO EKSTREM	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2022	JUMLAH DAFTAR RISIKO 2021
Bahagian Pejabat Rektor					-	1 (selesai)
Unit Korporat		1			1	2 (1 selesai)
Unit Pengurusan Strategik			3		3	3
Unit Kualiti		1			1	1
Masmed	2				2 (1 baru)	3 (2 selesai)
Unit Hal Ehwal Islam					-	3 (selesai)
Bahagian PJI			1		1	3 (2 selesai)
Bahagian Pentadbiran	2	1			3	8 (5 selesai)
Bahagian Hal Ehwal Akademik	1	3	5	4	13 (8 baru)	5
Unit Peperiksaan			3		3	5 (2 selesai)

Rajah K5.4.2(d): Laporan JPR 2022

Jadual K5.4.2(a): Jadual Senarai Risiko

Kategori Risiko	Tahap Risiko	Punca Risiko	Impak Risiko	Kaedah Kawalan & Tindakan Pencegahan
Pengambilan & pengekalan sumber manusia	Rendah	Gagal untuk mendapatkan dan memastikan bilangan staf yang mencukupi	Program tidak dapat dijalankan kerana staf tidak mencukupi Kekurangan sumber manusia yang mahir serta berpengalaman dan risiko ini menyumbang kepada peningkatan kos program.	Membuat tapisan permohonan jawatan dengan menyemak latar belakang individu yang yang memohon sebelum temuduga dijalankan.
Latihan dan pembangunan sumber manusia	Rendah	Kurang latihan untuk menjalankan tugas	Kekurangan sumber manusia yang mahir dan mempunyai berpengalaman	Menggunakan fasiliti yang ada di dalam kampus utk tujuan latihan dalaman. Melantik staf yang mahir dan berpengalaman sebagai tenaga pengajar dapat mengurangkan kos latihan dan pembangunan SM.

KDHBUKTI 3_K5.4.2 Jadual Senarai Risiko



Rajah K5.4.2(e): SOP



Rujukan Kami : 100-UITMKDH(MASMED.19/10/1)
Tarikh : 1 April 2022

Dr. Muhammad Hanif Othman
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Kedah

Tuan

**PELANTIKAN SEBAGAI PEMANTAU PROGRAM BAZAR RAMADHAN SISWA,
UITM CAWANGAN KEDAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berhubung dengan perkara di atas, sukcita dimaklumkan tuan dilantik sebagai **Pemantau Program Bazar Ramadhan Siswa, UiTM Cawangan Kedah** yang akan diadakan pada **6 April 2022 sehingga 26 April 2022**.
3. Semoga dengan pelantikan ini, tuan dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sempurna dan dapat memberi sumbangan positif dan bermakna dalam usaha meningkatkan kualiti dan produktiviti berterusan serta berpanjangan di kampus ini untuk menjadi sebuah Universiti yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MELONJAK KECEMERLANGAN UITM CAWANGAN KEDAH"

Yang benar

PROF. DR. HJ. MOHAMAD ABDULLAH BIN HJ. HEMDI
Rektor
UITM Cawangan Kedah

PEMBELAJARAN

5.4.3 Mengkaji Semula dan tindakan Penambahbaikan

Nyatakan tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif.

Nyatakan bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia

Proses kajian semula penambahbaikan adalah bertujuan untuk memastikan kecukupan, kesesuaian dan keberkesanannya program bagi menghidupkan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif. UiTMKDH mengambil langkah proaktif dengan membangunkan sistem bersepadu i-kedah dimana terdapat sistem eXtvtd dalamnya. Sistem online ini merupakan platform yang boleh dicapai oleh semua SM UiTMKDH. Sistem ini memudahkan penganjur untuk membuat pelaporan program dan pihak pengurusan boleh memperoleh data untuk semakan dan penganalisaan (**KDHBUKTI 1_K5.4.3_Sistem eXtvtd**).

Input seperti kepuasan hati pelanggan, maklum balas program, keputusan pemantauan dan pengukuran dan pencapaian prestasi dibincangkan di dalam mesyuarat peringkat pengurusan agar semua pihak dapat memberikan pandangan untuk kebaikan dan keharmonian semua warga kampus. Hasil analisa diperhalusi dan rumusan dibuat bagi memutuskan tindakan penambahbaikan yang bersesuaian. Siri mesyuarat yang terlibat adalah **JKEN, MPK dan MKSP (KDHBUKTI 2_K5.4.3_Senarai Mesyuarat Pengurusan 2022)**.

MKSP bertujuan untuk menilai peluang penambahbaikan serta keperluan perubahan atau pindaan kepada SPK UiTMKDH. Antara input yang dibincangkan adalah Aduan dan Maklum balas Pelanggan, Status Tindakan Pembetulan dan Pencegahan serta hal-hal yang memberi kesan kepada pengendalian program seperti latihan, kewangan dan persekitaran. MPK merupakan mesyuarat yang penting dalam memastikan hebahan maklumat, aktiviti dan keputusan yang telah dicapai di peringkat JKEN disampaikan kepada semua ketua bahagian atau unit. MPK juga merupakan platform interaksi di antara pihak pengurusan dan pegawai kanan. MPK diadakan setiap 3 bulan sekali dan dipengerusikan oleh Rektor Kampus. Pelbagai agenda yang dibincangkan di dalam MPK, antaranya perkara-perkara yang melibatkan urusan setiap bahagian atau unit serta isu ‘cross functional’, permohonan dan laporan serta melaporkan semua perjalanan aktiviti bahagian atau unit (**KDHBUKTI 3_K5.4.3_Minit Mesyuarat MPK Bil. 2/2022**).

UiTMKDH menetapkan Mesyuarat Post-mortem perlu diadakan setiap kali program berskala besar dijalankan. Mesyuarat post-mortem ini diadakan untuk mengenal pasti perkara yang baik dan masalah yang timbul agar menjadi panduan kepada pelaksanaan program pada masa akan datang. Melalui mesyuarat ini, penilaian akan dibuat bagi memastikan pelaksanaan program serta peruntukan kewangan yang digunakan mengikut perancangan. Mesyuarat ini juga turut membincangkan maklum balas yang diterima, impak yang diperolehi serta ruang penambahbaikan (**KDHBUKTI 4_K5.4.3_Contoh Mesyuarat Post-mortem**).

LAMPIRAN BUKTI 5.4.3

Universiti
Teknologi
MARA
Campus Kedah
Kampus Utara Perlis

**Sistem Repotori Aktiviti
UiTM Cawangan Kedah**

10:36:54 A.M. Thursday, 10/5/2022

eXtvT

LOG MASUK

Nombor Pekerja:

MASUK

Lupa kata laluan/
kemaskini maklumat diri.

MANUAL PENGGIMA

- Penyedia Laporan
- Penyemak Laporan
- Moderator Sistem

CARIAN AKTIVITI

- Bulanan
- Tahunan
- Kategori Peserta
- Kluster Program
- Kluster Masyarakat
- Tabung
- Liputan
- Teras Utama
- Nombor PI

SENARAI PENCAPAJAN PI TAHUN 2022

BIL	NOMBOR PI	NAMA PI	SASARAN
1	4	Percentage of GOT students (Undergraduate).	50.0
2	13	Number of new Massive Open Online Course (MOOC).	3
3	10	Number of inbound students.	39
4	11	Number of outbound students.	40
5	90	Number of MoU/MoA with universities abroad.	10
6	1	Number of High-End TVET and TVET Programmes.	2
7	5	Number of academic programmes embedded with credited service learning activities.	1
8	21	Number of student's activities related to community based service learning.	16
9	22	Number of community involved with credited courses in relation to service learning activities.	6
10	33	Number of undergraduate students involved in activities related to credited courses in relation to service learning.	500
11	24	Number of student involved in volunteerism programmes.	100
12	35	Number of student involved in leadership programmes.	600
13	36	Number of student participate in career activities.	50
14	37	Number of companies involved in career activities.	4
15	38	Students' satisfaction percentage on career guidance programme.	0.80
16	29	Students' satisfaction toward residential college services, facilities & learning space.	0.85
17	40	Number of student involved in communication skill related programmes.	735
18	41	Number of student involved in international programmes.	145

KDHBUKTI 1_K5.4.3_ Sistem eXtvT



TAKWIM MESYUARAT PENGURUSAN UiTM CAWANGAN KEDAH 2022
BAHAGIAN PENTADBIRAN

HR.	MESYUARAT	JAN 2022	FEB 2022	MAR 2022	APR 2022	MAY 2022	JUN 2022	JUL AI 2022	Ogos 2022	SEPT 2022	Okt 2022	NOV 2022	Dis 2022
1	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)												
2	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	19-Jan Rabu	9-Feb Rabu	9-Mac Rabu	13-Apr Rabu	11-Mei Rabu	8-Jun Rabu	6-Jul Rabu	10-Ogos Rabu	7-Sept Rabu	5-Okt Rabu	9-Nov Rabu	7-Dis Rabu
3	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Negeri (JPSMN)												
4	Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)	3-Jan Isnin			4-Apr Isnin				1-Ogos Isnin				5-Dis Isnin
5	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)				20-Apr Rabu							16-Nov Rabu	

CUTI UMUM NEGERI KEDAH 2022

- 1 - 2 Februari 2022 (Selasa - Rabu)
- 1 Mac 2022 (Selasa)
- 3 April 2022 (Ahad)
- 1 Mei 2022 (Ahad)
- 3 - 4 Mei 2022 (Selasa - Rabu)
- 15 Mei 2022 (Ahad)
- 6 Jun 2022 (Isnin)
- 19 Jun 2022 (Ahad)

- Tahun Baru Cina
- Israk & Mikraj
- Awal Ramadhan
- Hari Pekerja
- Hari Raya Aidilfitri
- Hari Wesak
- Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong
- Hari Keputeraan Sultan Kedah

- 10 - 11 Julai 2022 (Ahad - Isnin)
- 31 Ogos 2022 (Rabu)
- 16 September 2022 (Jumaat)
- 18 September 2022 (Ahad)
- 9 Oktober 2022 (Ahad)
- 24 Oktober 2022 (Isnin)
- 25 Disember 2022 (Ahad)

- Hari Raya Haj
- Hari Kebangsaan
- Hari Malaysia
- Cuti Hari Malaysia
- Maulidur Rasul
- Hari Deepavali
- Hari Kremas

*Tertakluk pada pindaan

KDHBUKTI 1_K5.4.3_ Sistem eXtvT

BAHAGIAN L HAL EHWAL POLIS BANTUAN

L.602 Penemuan Audit

Ketua Pejabat Polis Bantuan membentangkan penemuan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Bencana UiTM Cawangan Kedah yang telah dijalankan pada 24 Mac 2022.

1. Seksyen Bencana

BIL	PERKARA	CATATAN	PENAMBAHBAIKAN	
1.	Penubuhan Jawatankuasa Operasi Bencana	Minit Mesyuarat Hanya Pada Tahun 2020 Dan 2021	Perlu Ada Kesinambungan Setiap Tahun	
2.	Penyediaan Gerakan	Bilik Bilik	Carta Operasi Gerakan Tidak Dipamerkan	Perlu Dipamerkan Dan Disertakan Nombor Telefon Yang Boleh Dihubungi
3.	Pengurusan Sukarelawan	Tiada Lantikan	Perlu Ada Lantikan Sukarelawan	
4.	Pengurusan Kewangan	Tiada Maklumat	Perlu Diwujudkan Tabung Amanah Bencana Kampus	
5.	Pelan Kecemasan	Tindakan Kecemasan	Latihan Pengosongan Bangunan	Perlu Dilakukan Berkala

2. Seksyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

BIL	PERKARA	CATATAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Dasar Keselamatan Dan Polisi KKP	Perlu Kemaskini	Polisi Perlu Diturunkan Kepada Polisi Yang Terkini Dengan Tandatangan Gelaran Baru Nabi Canselor
2.	Pelantikan Jawatankuasa KKP	Tidak Lengkap	Carta Organisasi Dan Borang Maklumat Lantikan Baru Jawatankuasa
3.	Pemeriksaan Tempat Kerja	Bengkel Fasir	'Safety Procedure', HIRARC, Job Safety Analysis (JSA) Dan Kawalan Sistem Kejuruteraan
4.	Program KKP	Latihan Terakhir Tahun 2020	Kekurangan Latihan Perlu Setiap Tahun
5.	Rekod Pengurusan Risiko (HIRARC)	Perlu Kemaskini	Buat Training Dan Fokus Jsa, HIRARC

BAHAGIAN N MASMED

N.612 UNIMEL

Koordinator MASMED memaklumkan UNIMEL kini telah beroperasi mulai 4 April 2022. Semua bungkusan akan dikenakan bayaran RM1.00. Selain dari itu, lantai UNIMEL juga masih dalam proses baik pulih.

N.613 Bazar Ramadhan

Bazar Ramadhan akan diadakan pada bulan Ramadhan tahun ini dan akan dipantau oleh pihak MASMED.

N.614 Pemantauan Makanan

Koordinator Komunikasi Korporat mencadangkan agar pemantauan harga makanan digalakan.

Keputusan :
Pengerusi memohon Jawatankuasa Pemantauan untuk menyediakan laporan berkeraian pemantauan harga makanan, kualiti makanan dan kualiti persekitaran.

BAHAGIAN O HAL EHWAL PENILAIAN RISIKO

O.620 Pembentangan Penilaian Risiko

Laporan Daftar Risiko UiTM Cawangan Kedah bagi tahun 2021 dibentangkan oleh Penyelaras Risiko.

O.621 Mesyuarat Penilaian Risiko

Mesyuarat bersetuju menetapkan bahawa Mesyuarat Penilaian Risiko akan diadakan bersama Mesyuarat Pengurusan Kanan dan Minit Mesyuarat Penilaian Risiko akan diambil dari petikan Minit Mesyuarat Pengurusan Kanan.

Makluman

Makluman

Jawatankuasa Pemantauan

KDHBUKTI 1_K5.4.3_ Sistem eXtv



MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN NEGERI (JPN)

A.1. MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN NEGERI (JPN) BIL. 13/2022

Tarikh : 2 Mac 2023 Tempat : Bilik Mesyuarat Utama

Masa : 11.00 pagi

C. HAL-HAL LAIN

1. Pengerusi mencadangkan supaya peruntukan dana dalaman negeri sebanyak RM10,000.00 untuk bidang S&T dan RM5,000.00 untuk bidang Sains Sosial. Kelulusan hanya akan diberikan kepada fakulti yang masih belum mendapat peruntukan tersebut bagi projek matching grant.

Pengerusi turut mencadangkan supaya peruntukan untuk aktiviti tersebut diluluskan tanpa mesyuarat.

Keputusan:
Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut.

Rasmi Universiti
UTM MARA

Sebauh ahli
mesyuarat

2. Koordinator RMU memaklumkan baru mendapat posisi berkaitan WoS Conference Indexed - Proceeding. Sekiranya sub conference akan dimaklumkan oleh AJK, Promosi masing-masing

Beliau memaklumkan sedang mengumpul tulisan untuk diterbitkan di dalam ERU sebelum 31 Mac 2023. Permohonan telah dibuat kepada Campus Research Interest Group (CRIG) berkenaan geran penyelidikan FRGS dan maklumat berkaitan penerbitan.

Beliau turut memaklumkan bahawa cadangan telah dibuat kepada Bahagian Infrastruktur untuk membangunkan sistem Electronic Performance Indicator CRIG (ePICRIG) dan sedang menunggu kelulusan daripada pihak UiTM Shah Alam.

Keputusan:
Mesyuarat ambil maklum perkara tersebut.

Sebauh ahli
mesyuarat

3. Timbalan Rektor PJIM&A memaklumkan bahawa Pembayaran Yuran Permohonan Aitika (PYPA) telah dibuka semula dengan syarat permohonan yang baharu.

Koordinator RMU memaklumkan beliau dibantu oleh Dr Rohayati bin Huzaim dan Dr Rabiah Harun untuk urusan berkaitan geran dan penerbitan artikel.

Keputusan:

Mesyuarat ambil maklum perkara tersebut.

Bahagian
PJIM&A

4. Pengerusi mohon supaya dibuat hebahan tarih mesyuarat JPN kepada semua penyayang bagi memudahkan proses permohonan geran.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan perkara tersebut.

Bahagian
PJIM&A

5. Timbalan Rektor HEA memaklumkan bahawa Research and Publication Day dan kolokium perlu diadakan pada hari Khemia kerana kekurangan jadual waktu. Perkara ini telah diputuskan semasa mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN).

Keputusan:

Mesyuarat ambil maklum perkara tersebut.

Bahagian
PJIM&A

6. Koordinator RMU memaklumkan terdapat 46 kumpulan telah mendaftar untuk Campus Research Interest Group (CRIG).

Pengerusi mencadangkan supaya kumpulan CRIG diberikan keutamaan sekiranya terdapat penawaran geran penyelidikan dana dalaman negeri dan matching grant.

Keutamaan akan diberikan kepada projek matching grant yang melibatkan tiga perniagaan atau antara UiTM, industri dan universiti luar negara.

Agihan peruntukan adalah seperti berikut:

1. Dua (2) kumpulan bidang S&T dengan peruntukan sebanyak RM10,000.00 dan;
2. Enam (6) kumpulan bidang Sains Sosial dengan peruntukan sebanyak RM5,000.00.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju untuk mengesahkan perubahan CRIG, UiTM Cawangan Kedah dan cadangan agihan peruntukan bagi projek matching grant.

Bahagian
PJIM&A

KDHBUKTI 1_K5.4.3_ Sistem eXtv

5.5 INTEGRASI

Nyatakan jika inovasi terhasil daripada tindakan yang dinyatakan di atas.

Nyatakan bagaimana pengurusan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia.

Budaya komunikasi secara terbuka, telus dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dijadikan amalan setiap warga UiTMKDH dalam usaha untuk membuka ruang kepada penambahbaikan secara berterusan. Selain itu, UiTMKDH juga menyokong **cetusan idea, inovasi dan kreativiti** di kalangan warganya. Sistem **eAMP** merupakan salah satu inovasi yang terhasil bagi menguruskan maklum balas daripada sesiapa sahaja berkenaan perkhidmatan di UiTMKDH. Bersesuaian dengan situasi semasa di mana perkhidmatan secara fizikal telah berkurangan kerana kebanyakan proses telah dijalankan secara dalam talian, penggunaan sistem dalam talian ini dapat memudahkan pengguna dan juga pihak pengurusan dalam mengendalikan maklum balas pengguna yang diterima. Sistem ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu penilaian dan maklum balas. Moderator PTJ akan mendapat notifikasi melalui e-mel apabila terdapat maklum balas daripada pengguna. Moderator perlu menjawab maklum balas tersebut dalam tempoh 3 hari. Dengan adanya eAMP, masalah kelewatan memberi respon kepada maklum balas yang diterima telah dapat diatasi. Selain itu, eAMP juga dibangunkan bagi memudahkan moderator PTJ serta Penyelaras AMP menyediakan Laporan Analisa Maklum Balas Pelanggan untuk setiap 3 bulan seperti yang digariskan (**KDHBUKTI 1_K5.5_Tangkap Layar eAMP**).

UiTMKDH **membudayakan pengiktirafan** kepada setiap kerja keras dan sumbangan SM. Budaya hebatan kejayaan melalui e-mel, laman sesawang dan platform media sosial rasmi dibuat bagi menggambarkan penghargaan tersebut serta sebagai ketampakkan kejayaan. Pelbagai majlis meraikan kejayaan staf dan pelajar diadakan sepanjang tahun sebagai tanda sokongan dan penghargaan. Selain pengiktirafan dalaman, pengurusan juga memberi sokongan dalam pengiktirafan yang diterima oleh SM daripada pihak luar. Pengiktirafan tertinggi di peringkat kebangsaan yang diterima oleh warga UiTMKDH adalah melalui Darjah Kebesaran Negeri Kedah. Untuk 2022, Ustaz Burhanuddin Haji Wahab, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa telah dikurniakan Ahli Mahkota Kedah (A.M.K) pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-80. Kepakaran beliau juga telah diiktiraf sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Sesi 2022-2023 (**KDHBUKTI 2_5.5_Pengiktirafan Tertinggi Warga UiTMKDH di Peringkat Kebangsaan**).

LAMPIRAN BUKTI 5.5

The screenshot shows a web browser window with the URL kedah.uitm.edu.my/eAMP/. The page title is "ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN". It features the logo of Universiti Teknologi MARA (UiTM) and a "Log Masuk" button. Below the title, it says "Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah". A note states: "Borang Aduan dan Maklum Balas Pelanggan UiTM Cawangan Kedah secara dalam talian ini merupakan inisiatif Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Kedah untuk mendapatkan maklum balas dan aduan berkaitan UiTM Cawangan Kedah secara keseluruhan." Another note says: "Ia bertujuan untuk menguruskan maklum balas seperti cadangan, aduan, pertanyaan dan penghargaan daripada pelanggan, komuniti, pemegang taruh dan sesapa sahaja berkenaan perkhidmatan di UiTM Cawangan Kedah. Segala aduan dan maklum balas akan digunakan untuk membantu pihak pengurusan membuat penambahbaikan berterusan dari masa ke semasa." A QR code is present. At the bottom, it says "Copyright ©2022 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah".

KDHBUKTI 1_K5.5_ Tangkap Layar eAMP



Rajah K5.5(b): Pengiktirafan Sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bagi Sesi 2022-2023.



Rajah K5.5(c): Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Kedah

KDHBUKTI 2_5.5_Pengiktirafan Tertinggi Warga UiTMKDH di Peringkat Kebangsaan



KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

FARAH MERICAN ISAHAK MERICAN
NABILA AHMAD
DR. MUHAMMAD HANIF OTHMAN



KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF (tidak melebihi 500 patah perkataan)*

Ringkasan eksekutif haruslah menekan kepada menerangkan perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act).

UiTMKDH telah mewujudkan proses kerja yang sistematik dan komprehensif melalui penyediaan Prosedur Pengurusan dan Prosedur Operasi. Semua warga kampus yang bertanggungjawab ke atas proses kerja telah dilibatkan semasa pemurnian Prosedur Pengurusan dan Prosedur Operasi. Proses pemurnian mengambilkira situasi terkini bagi memastikan prosedur-prosedur tersebut mencapai semua **Petunjuk Prestasi (PI)** kampus, dan menyokong pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

UiTMKDH sentiasa komited memastikan keberkesanan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan berterusan dilaksanakan untuk memastikan kejayaan semua program atau aktiviti yang telah dirancang. Penglibatan setiap bahagian di dalam UiTMKDH, termasuk PJIMA, ICAN, MASMED, HEA, HEP, fakulti-fakulti, dan unit-unit lain, merupakan elemen penting dalam memastikan bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** dijalankan dengan **kesan maksimum**. Dalam usaha mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan strategik, UiTMKDH telah menetapkan keperluan untuk sistem pengurusan kualiti organisasi menggabungkan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** untuk penambahbaikan yang berterusan. Dalam konteks pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** untuk bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**, proses pelaporan projek seperti MoU dan MoA untuk jaringan industri and aktiviti-aktiviti di bawah keusahawanan berperanan penting. Proses ini berfungsi sebagai mekanisme utama untuk memastikan kesan dan keberkesanan pelaksanaan projek tetap di tahap yang tinggi, demi mencapai kelestarian objektif strategik yang telah ditetapkan.

Proses perancangan dalam UiTMKDH merangkumi perancangan sistematik yang berdasarkan kepada proses utama yang berkaitan dengan peningkatan graduan keusahawanan, hubungan industri, dan pembangunan staf. Proses-proses ini mencakupi **pelaksanaan program** seperti Nescafe Hub, UniMAIL, dan Batik Merbok, serta kerjasama dengan industri dan institusi akademik. Pendekatan **PDCA** diterapkan dalam setiap proses utama ini untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan berkesan. UiTMKDH turut mementingkan **kolaborasi** dan **perkongsian kepakaran** dengan pelbagai pihak, termasuk jaringan industri antarabangsa dan universiti luar negara. Inisiatif seperti projek Batik Merbok, projek penanaman nanas, dan kerjasama dengan Toshiba adalah contoh kejayaan dalam mengaplikasikan **model PDCA** dalam perkongsian kepakaran.

Pemantauan dan pengurusan risiko menjadi aspek penting dalam memastikan keberhasilan operasi. UiTMKDH secara berterusan mengenal pasti risiko dan menjalankan analisis risiko melalui sistem eRMS. Pendekatan ini melibatkan pengurusan risiko dalam program-program bidang tumpuan yang dijalankan, termasuk langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan.

Analisis hasil dan tindakan penambahbaikan merupakan komponen penting dalam merancang kesinambungan operasi. UiTMKDH melakukan analisis terperinci untuk mengenal pasti kelemahan dan kejayaan dalam pelaksanaan program. Melalui jawatankuasa program, cadangan penambahbaikan dihasilkan dan dilaksanakan dengan pengawasan teliti.

Pembudayaan inovasi juga diberi penekanan dalam UiTMKDH. Sistem eXtv diwujudkan sebagai **medium pengumpulan maklumat** program-program dan perkongsian maklumat dalam kampus. Langkah-langkah untuk memastikan kelangsungan maklumat berkenaan program melibatkan penglibatan warga kampus dan masyarakat luar melalui platform Klik Kedah. UiTMKDH juga mengukur prestasi dengan menggunakan PI dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan pencapaian objektif strategik. Keseluruhannya, UiTMKDH telah memperoleh kejayaan dalam melaksanakan **inisiatif dan objektif strategik** dalam bidang tumpuan melalui pendekatan bersepadu yang berlandaskan **model PDCA**. Dengan adanya proses kerja yang berkualiti, ianya dapat memberi manfaat kepada warga kampus serta pemegang taruh sebagai lambang kejayaan penganjuran sesuatu program yang melibatkan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

6.2 PENDEKATAN

Nyatakan apakah proses-proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan pilihan.

Operasi di UiTMKDH merangka satu perancangan sistematik berdasarkan kepada proses-proses utama yang bertujuan untuk menyokong objektif serta inisiatif strategik dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Proses-proses utama ini menumpukan kepada pengukuhan jaringan industri, serta peningkatan bakat, kemahiran, dan profesionalisma dalam kalangan staf di UiTMKDH, dan graduan dalam bidang keusahawanan.

Proses utama yang melibatkan proses jalinan jaringan industri dan prosedur operasi keusahawanan dipetakan berdasarkan **objektif dan inisiatif** bidang tumpuan UiTMKDH (**KDHBUKTI 1_K6.2_Pemetaan Proses Utama mengikut objektif strategik**). Proses-proses utama ini mencakup operasi jalinan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** yang melibatkan:

1. Kerjasama melalui MoA/MoU/Geran/Aktiviti kemasyarakatan bersama industri, institusi akademik, badan kerajaan, dan komuniti telah disusun semula.
2. Aktiviti pelajar seperti pengoperasian Nescafe Hub dan Operasi UniMAIL.
3. Pengoperasian Kiosk Pewani untuk tujuan penjualan makanan.
4. Pengoperasian Batik Merbok.

Tidak hanya itu, terdapat juga proses utama lain yang turut menyokong operasi serta pelaksanaan **objektif dan inisiatif** bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** di UiTMKDH. Keseluruhannya, melibatkan sembilan (9) proses asas yang disusun secara teliti (**KDHBUKTI 2_K6.2_Proses Utama Menyokong Pelaksanaan Objektif Strategik**). Pendekatan pengaplikasian **model PDCA** (*Plan, Do, Check, Action*) diterapkan dalam setiap proses kerja utama bagi setiap program yang dijalankan di UiTMKDH (**KDHBUKTI 3_K6.2_Pengaplikasian Model PDCA dalam Proses Kerja Utama**). Semua langkah ini berfungsi untuk memastikan bahawa pelaksanaan dan pencapaian objektif strategik berjalan dengan lancar dan berkesan.

UiTMKDH juga terus berusaha **meningkatkan** tahap penglibatan para pensyarah dalam program-program jaringan kolaborasi dengan entiti tempatan dan antarabangsa. Pelbagai Memorandum Persefahaman (MoU) telah berjaya ditandatangani dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan **kualiti** serta **kecemerlangan** para pensyarah di UiTMKDH. Sejakar dengan arahan universiti, Kepimpinan Kanan UiTMKDH sentiasa memberikan sokongan dan galakan kepada warga UiTMKDH untuk menerapkan budaya kerjasama dan kolaborasi. Semua usaha ini tidak hanya berlaku di peringkat negara, tetapi turut melibatkan entiti di peringkat antarabangsa, menjadikan UiTMKDH semakin relevan dan berdaya saing dalam arena global.

Setiap pencapaian yang diperolehi oleh SM dihebahkan melalui e-mel rasmi dan juga dimuat naik ke dalam laman sesawang rasmi UiTMKDH. Ini merupakan salah satu medium sokongan dan penghargaan dari pihak pengurusan dalam bentuk hebahan. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat menunjukkan ketampakan kepakaran warga UiTMKDH kepada pihak luar. Penganugerahan juga merupakan salah satu inisiatif yang digunakan untuk penghargaan dan pengiktirafan kepada SM UiTMKDH yang bergiat aktif dalam meningkatkan kecemerlangan diri dan organisasi. Majlis Kemuncak HIK merupakan platform utama untuk penganugerahan di UiTMKDH selain sesi-sesi penyampaian anugerah yang diadakan mengikut keperluan. Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Staf Pentadbiran, Anugerah Kualiti dan Anugerah Kecemerlangan merupakan anugerah yang diadakan pada setiap tahun. Anugerah yang melibatkan BT yang terdapat di dalam anugerah-anugerah ini adalah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Pensyarah Aktif (Keusahawanan), Pensyarah Aktif (Kemasyarakatan), Staf Aktif (Keusahawanan) dan Staf Aktif (Kemasyarakatan) (**KDHBUKTI 5_K5.2_Senarai Penghargaan dan Pengiktirafan oleh Pihak Pengurusan kepada SM UiTMKDH**).


LAMPIRAN BUKTI 6.2

Objektif strategik	Fungsi utama bagi mencapai objektif strategi	Proses Utama bagi mencapai objektif strategik	Program/ Projek
Untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan mempunyai kemahiran keusahawanan yang cemerlang di peringkat global.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan latihan kepakaran dalam bentuk keusahawanan. 2. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk menjamin kejayaan program. 3. Memberi pendedahan dan menggalakkan penyertaan pelajar. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan latihan keusahawanan kepada pelajar serta mengadakan bengkel berkaitan keusahawanan. 2. Menyediakan latihan keselamatan kepada pelajar semasa menjalankan aktiviti keusahawanan. 3. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk memastikan kejayaan program, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan sistem data dalam bentuk Excel untuk merekodkan jualan. • Merekut pasukan pengurus untuk membantu projek pelajar. • Mewujudkan inovasi dalam sistem untuk kemudahan pelajar dan staf. 4. Memberi pendedahan dan menggalakkan penyertaan pelajar. • Mendorong pelajar untuk mengambil bahagian dalam kejohanan peringkat nasional dan antarabangsa. • Menyediakan insentif jualan kepada pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • NYEP • UniMail • SEC • Icip-Icip • Kiosk MASMED • Barber
Memperkuuhkan rangkaian strategik dengan alumni, komuniti, dan industri melalui perkongsian strategik dengan pemain industri utama dan institusi akademik berprestij	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalin kerjasama (MOA/MOU, geran) dengan institusi akademik dan industri, sama ada di dalam atau di luar negara 2. Perkongsian pengetahuan Bersama komuniti, industry, institusi Kerajaan dan bukan kerajaan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membentangkan kertas kerja 2. Memberikan kelulusan berdasarkan keputusan mesyuarat. 3. Memantau keberhasilan jalinan kerjasama. 4. Mengadakan bengkel dan seminar. 5. Menyediakan dana. 6. Menyediakan sokongan kepakaran. 7. Menyediakan ruang serta peralatan yang diperlukan. 8. Memberikan insentif kepada pekerja kiosk. 9. Mewujudkan hubungan yang baik dengan masyarakat, agensi kerajaan, swasta, dalam dan luar negara. 10. Mengadakan program bersama pelajar, staf, masyarakat serta komuniti setempat bagi perkongsian pengetahuan. 11. Menjalankan sesi perkongsian pengetahuan. 12. Menyediakan laporan aktiviti 13. Mewujudkan inovasi di kalangan pelajar untuk menyerlahkan bakat pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • MOA/MOU Geran (Industri dan Antarabangsa). • KIOSK PEWANI • BATIK MERBOK • Nanas

KDHBUKTI 1_K6.2_Pemetaan Proses Utama mengikut objektif strategik



KDHBUKTI 2_K6.2_Proses Utama Menyokong Pelaksanaan Objektif Strategik



KDHBUKTI 3_K6.2_Pengaplikasi Model PDCA dalam Proses Kerja Utama

6.3 PERLUASAN

Nyatakan bagaimana model Plan, Do, Check, Action (PDCA) atau mana-mana model lain yang digunakan dalam proses-proses utama.

Rajah 6.3(a) memperlihatkan ringkasan pengaplikasian **model PDCA** yang digunakan dalam program yang terlibat dalam **Jaringan Industri dan Keusahawanan**, sama ada di peringkat kampus, universiti, kebangsaan, maupun antarabangsa (**KDHBUKTI 1_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA dalam Proses Kerja Utama**). Penggunaan model ini sangat penting untuk memastikan setiap program yang dijalankan mencapai piawaian yang ditetapkan oleh UiTMKDH. Ia memberikan panduan kepada warga UiTMKDH dalam menerapkan **inovasi** ke atas proses kerja yang digunakan untuk penambahbaikan serta peningkatan berterusan dalam kecemerlangan dan keberkesanan operasi program **Jaringan Industri dan Keusahawanan** yang dirancang dan dilaksanakan. **Model PDCA** dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu melibatkan aktiviti keusahawanan, melibatkan perkongsian kepakaran, dan melibatkan proses kolaborasi industri dan institusi akademik.

MODEL PDCA MELIBATKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Prosedur keusahawanan juga melibatkan pelaksanaan aktiviti keusahawanan yang melibatkan MASMED. Antara aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dikaitkan dengan MASMED adalah NYEP dan UniMAIL. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk menghasilkan graduan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan. Sebagai contoh, projek NYEP memberikan pelajar-pelajar UiTMKDH **pengalaman langsung** dalam mengendalikan perniagaan. Pelajar diberikan modal permulaan (start-up capital) untuk membangun dan mengurus sebuah Nescafe Hub di dalam kampus. Sementara itu, projek UniMAIL diurus oleh pelajar-pelajar yang diambil sebagai usahawan. Langkah ini sekali lagi menunjukkan komitmen UiTMKDH dalam memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar. **Model PDCA** pula merangkumi proses pelaksanaan aktiviti pelajar yang bergerak ke arah keusahawanan (**KDHBUKTI 2_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Aktiviti Keusahawanan**).

MODEL PDCA MELIBATKAN PERKONGSIAN KEPAKARAN

Manakala bagi aktiviti melibatkan perkongsian kepakaran, inisiatif projek Batik Merbok dan Nanas dipilih untuk melihat kepada proses **PDCA**. Sebagai contoh, Batik Merbok adalah produk dan **inisiatif** keusahawanan yang dihasilkan oleh UiTMKDH dan telah dipersembahkan kepada kerabat diraja serta **telah mula dipasarkan** ke luar negara. Selain itu, Galeri Batik Merbok telah dinaiktaraf sebagai tanda sokongan UiTMKDH terhadap projek keusahawanan bagi pasaran dalam dan luar negara dan mendapat pengiktirafan "GOOD MARK DESIGN". Jalinan kerjasama telah dimeterai bersama International Balkan University, North Macedonia dalam penganjuran International Conference of Social Sciences and Humanities 2022 dan juga penganjuran projek kolaborasi pameran seni antarabangsa "Merging of Two Cultures Through Visual Art". Projek penanaman nanas merupakan salah satu inisiatif di bawah program MyAgrosis yang dibuat bagi menyambut seruan universiti untuk menjana pendapatan yang tinggi. Kerjasama bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan UiTM Melaka diwujudkan bagi membantu proses pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan projek ini (**KDHBUKTI 3_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Perkongsian Kepakaran**).

MODEL PDCA MELIBATKAN PROSES KOLABORASI INDUSTRI DAN INSTITUSI AKADEMIK

Seterusnya, prosedur kolaborasi industri dan institusi akademik turut melibatkan aktiviti bersama Balkan, Toshiba, Zakat dan iCEBIV 2022. Antara contoh inisiatif di bawah proses ini adalah penganjuran iCEBIV 2022. iCEBIV 2022 merupakan inisiatif UiTMKDH dalam menyokong dan menggalakkan aktiviti keusahawanan antarabangsa disamping **mewujudkan kolaborasi** bersama universiti luar negara. Selain itu, jalinan kerjasama industri dalam penyelidikan antara UiTMKDH dengan Toshiba International Foundation (TIFO) merupakan suatu pencapaian yang besar kerana UiTMKDH merupakan satu-satunya universiti di Malaysia dan di peringkat Asia yang memenangi geran bagi kategori kesenian dan kebudayaan (**KDHBUKTI 4_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Proses Kolaborasi Industri dan Institusi Akademik**).

LAMPIRAN BUKTI 6.3

PLAN (PERANCANGAN)	DO (PELAKSANAAN)	CHECK (PEMANTAUAN)	ACT (TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN)
<ol style="list-style-type: none"> Mengenal pasti keperluan pelanggan bidang tumpuan (Contoh: Keperluan pelajar). Mengenal pasti punca-punca utama yang menyebabkan keperluan para pelanggan bidang tumpuan tidak dapat dicapai. Mengenal pasti tindakan-tindakan penyelesaian. Menetapkan penyelesaian terbaik, menetapkan matlamat pelaksanaan penyelesaian, mengenal pasti individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan, dan menentukan tarikh pelaksanaan. Menyediakan kertas kerja untuk memohon kelulusan dan peruntukan. 	<ol style="list-style-type: none"> Setelah mendapatkan kelulusan pelaksanaan dan peruntukan, pelaksanaan dilakukan seperti yang dirancang dalam kertas kerja. Memastikan setiap tenaga kerja yang terlibat melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Memohon bantuan dari pihak lain sekiranya diperlukan 	<ol style="list-style-type: none"> Mengumpulkan data berkaitan pelaksanaan program untuk menilai keberkesanan pelaksanaan cadangan penyelesaian terhadap masalah (pelaksanaan program). Dengan menggunakan instrumen pengukuran yang sesuai (contoh: borang maklum balas), perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan cadangan penyelesaian diukur dari segi keberkesanan program dan juga penjimatan kos. 	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan bahawa penyelesaian masalah adalah efektif dan tidak berulang pada masa hadapan. Menyediakan laporan untuk meminda kaedah lama dan memperkenalkan kaedah baru kepada semua bahagian. Melakukan standardisasi kaedah baru di bahagian-bahagian lain. Mengambil tindakan susulan untuk memastikan pelaksanaan kaedah baru berjalan dengan berkesan dan memberikan hasil yang memuaskan dalam jangka masa panjang

KDHBUKTI 1_K6.3_Pengaplikasi Model PDCA dalam Proses Kerja Utama

	PLAN (PERANCANGAN)	DO (PELAKSANAAN)	CHECK (PEMANTAUAN)	ACT (TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN)
NESCAFE Youth Entrepreneurship Program (NYEP)	<p>Objektif: Kumpulan sasaran: Penggemar Nescafe (pelajar dan staf UiTMKDH) Proses Utama: Hab Nescafe</p> <p>Proses penyediaan Hub Nescafe</p> <p>Proses merekrut pasukan pengurusan</p> <p>Penyediaan menu.</p> <p>Pengambilan stok</p>	<ul style="list-style-type: none"> Perniagaan bermula 14 Jun 2022 Waktu operasi harian 8 am – 5.30 pm. (Ahad- Khamis) Penjualan melibatkan wang tunai serta tanpa tunai (cashless) Aktiviti harian: <ul style="list-style-type: none"> Taklimat 'supervisor' Agihan tugas Hab beroperasi untuk jualan Pengiraan stok & penambahan stok (sekiranya perlu) Hab tutup pada jam 5 pm Kiraan stok Laporan kewangan dan jualan Pembersihan hub. 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan dari pihak Nescafe Pemantauan dari pihak MASMED UiTMKDH Tren jualan dipantau untuk aktiviti promosi Maklum balas diterima melalui borang kaji selidik 	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan sokongan tambahan kepada pelajar yang menghadapi cabaran tertentu atau mengubah strategi pelatihan.
UniMAIL (Pusat Mei UiTMKDH)	<p>Objektif: Mengetengahkan dasar memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar</p> <p>Kumpulan sasaran: Pelajar dan staf UiTMKDH</p> <p>Proses Utama: Pusat MEL</p> <p>Proses penyediaan pusat.</p> <p>Proses merekrut pasukan pengurusan.</p> <p>Penyediaan ruang- ruang surat dan barang/bungkusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Operasi bermula pada 30 Mac 2022 Waktu operasi 9.00am – 6.00pm Prosedur Penerimaan Surat dan Bungkusan Pos UniMAIL Pelajar atau staf akan pergi ke UniMAIL untuk mengambil barang pos. Di sini, mereka mungkin perlu mengemukakan pengesahan identiti dan maklumat yang diperlukan bagi mengesahkan pengambilan. 	<ul style="list-style-type: none"> Staf di UniMAIL akan memantau proses pengambilan untuk memastikan semua maklumat adalah tepat dan sesuai. Ini juga membantu dalam mengawal keselamatan dan keselamatan proses pengambilan. 	<ul style="list-style-type: none"> Sekiranya terdapat sebarang masalah atau isu semasa proses pengambilan, langkah-langkah tindakan segera diambil. Ini termasuk memberikan bantuan atau penjelasan tambahan bagi memastikan pengambilan berjalan dengan lancar.

KDHBUKTI 2_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Aktiviti Keusahawanan

	PLAN (PERANCANGAN)	DO (PELAKSANAAN)	CHECK (PEMANTAUAN)	ACT (TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN)
Batik Merbok / BALKAN	<p>Objektif: Menghasilkan barang bermotifkan batik eksklusif untuk kumpulan sasaran</p> <p>Kumpulan sasaran: Kelab dalaman UiTMKD, Staff UiTMKD, Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Exco, Pejabat TUANKU Sultan Kedah, Sekolah</p> <p>Proses Utama: Geleri Batik Merbok dan Ruang Pameran</p>	<ul style="list-style-type: none"> Rundingan dan perbincangan berterusan Mewujudkan jawatankuasa pelaksana 	<ul style="list-style-type: none"> Batik Merbok merekodkan data pelanggannya secara manual melalui sistem fail, buku resit dan juga melalui sistem computer Menyediakan laporan maklum balas pelanggan Menjalankan Pemantauan secara langsung Mengadakan mesyuarat post-mortem 	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan maklumbalas daripada semua yang terlibat Melaksanakan program intervensi
Nanas	<p>Objektif: Projek penanaman nanas merupakan salah satu inisiatif dibawah program MyAgrosis yang dibuat bagi menyambut seruan universiti untuk menjana pendapatan yang tinggi</p> <p>Kumpulan sasaran: Kelab dalaman UiTMKD, Staff UiTMKD, pelajar UiTMKD Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Exco, Pejabat TUANKU Sultan Kedah, Masyarakat sekitar UiTMKD</p>	<ul style="list-style-type: none"> Rundingan dan perbincangan berterusan Mewujudkan jawatankuasa pelaksana Pertemuan dengan pelanggan Lantikan PIC bagi tujuan agihan tugas Mendapat khidmat nasihat daripada Lembaga Nanas, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan secara berkala oleh UiTMKD Keberadaan wakil Lembaga Nanas dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) pada sesi perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> Maklum balas dari pelanggan terhadap mutu kerja dan projek yang dilaksanakan Latihan dan kursus berterusan daripada Lembaga Nanas dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

KDHBUKTI 3_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Perkongsian Kepakaran

PLAN (PERANCANGAN)		DO (PELAKSANAAN)	CHECK (PEMANTAUAN)	ACT (TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN)
1ST International Competition of Entrepreneurship Business Innovation (iCEBIV) 2022	<p>Objektif: Menggalakkan aktiviti Keusahawanan Antarabangsa disamping mewujudkan kolaborasi bersama universiti luar negara</p> <p>Kumpulan sasaran: Pelajar dan Pensyarah dari luar dan dalam Malaysia. Tetapkan tujuan dan sasaran bagi pertandingan iCEBIV 2022.</p> <p>Rancang jadual pelaksanaan pertandingan, termasuk fasa-fasa dan tarikh-tarikh penting</p>	<ul style="list-style-type: none"> Melakukan promosi yang meluas bagi pertandingan iCEBIV 2022 melalui media sosial, laman web, serta pelantar lain. Terima dan sahkan pendaftaran peserta mengikut syarat yang telah ditetapkan. Mengatur acara pembukaan rasmi dan taklimat kepada peserta. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan penilaian terhadap setiap peserta berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Menemuka pematuhan terhadap peraturan dan tata cara pertandingan Menilai keberkesanannya promosi dan tahap penyertaan peserta. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengumumkan pemenang pertandingan iCEBIV 2022 dan memberikan penghargaan kepada mereka. Melakukan evaluasi menyeluruh terhadap pelaksanaan pertandingan dan mengidentifikasi area yang perlu diperbaiki. Mendapatkan maklum balas dari peserta dan pihak berkaitan untuk penambahbaikan di masa depan. Menyusun dan merancang untuk pertandingan iCEBIV berikutnya, dengan mempertimbangkan hasil maklum balas dari peserta.
